



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

NILAI MODAL INSAN DALAM NOVEL TEKS KOMSAS

NORASIAH BINTI ABDULLAH

FBMK 2018 69



NILAI MODAL INSAN DALAM NOVEL TEKS KOMSAS



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2018

HAKCIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Bismillahirahmanirrahim, dengan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi kerana Kudrat dan Iradat-Nya tugas ini dapat diselesaikan, segala cabaran dan dugaan mematangkan diri yang seterusnya, menyedari betapa kerdilnya diri berada dalam peta kehidupan yang nyata.

ALLAH yang MAHA ESA
Atas nikmat dan limpahMu

Ku abadikan tugas ini untuk insan yang disayangi,
Allahyarham Tn. Hj. Abdullah Bador
Pn. Hjh Siti Ruhani Musa
Muhammad Helmi

Keluarga dan sahabat yang sentiasa memberi kekuatan buatku

Yang sangat memahami tugas dan pengorbanan ini
Kepada Allah SWT jua kuperanjatkan restuMu

Bersyukur dengan anugerah Allah SWT dengan kelapangan masa, kekuatan semangat serta kesihatan yang membolehkan tugas ini dapat disiapkan.

Simpulan semangat yang jitu daripada kawan-kawan seperjuangan, pensyarah pembimbing, pihak pemeriksa, pengurusan sekolah siswazah dan insan-insan yang sering mendoakan. Kekuatan yang sangat memberi makna semoga menjadi simpulan kenangan sepanjang hayat. Semua yang menyumbang tanpa mengharapkan balasan, agar menjadi bekalan sepanjang perjalanan di akhirat kelak.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

NILAI MODAL INSAN DALAM NOVEL TEKS KOMSAS

Oleh

NORASIAH BINTI ABDULLAH

Oktober 2018

Pengerusi : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan komunikasi

Tesis ini bertitik tolak daripada pengamatan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada yang menyerahkan beberapa lompong ilmiah dalam pengkajian tentang teks yang digunakan dalam pengajaran Komponen Kesusastraan dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS). Antaranya, soal kesesuaian teks-teks KOMSAS yang masih menimbulkan perbahasan. Pengamatan turut mengenal pasti kecenderungan kajian-kajian ilmiah dalam menerapkan teori, pendekatan atau model Barat, selain beberapa kajian yang menerapkan teori/model sastera cetusan para sarjana tempatan. Selain itu, rata-rata kajian juga diusahakan pada skala sederhana dan meneliti sejumlah kecil teks KOMSAS. Kesemua lompong di atas diajukan sebagai satu permasalahan yang menuntut kepada pengkajian ilmiah secara sistematis. Dengan permasalahan di atas, tesis ini distrukturkan bagi mencapai tiga objektif. Pertama, mengorganisasikan nilai-nilai yang menunjangi gagasan Modal Insan dalam sebuah kerangka analisis yang sistematis. Kedua, menganalisis novel-novel teks KOMSAS menurut kerangka Modal Insan. Ketiga, merumuskan kesesuaian nilai-nilai yang terkandung dalam novel-novel teks KOMSAS menurut kerangka Modal Insan. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif ini, tesis ini menggunakan pakai pendekatan analisis teks (*textual analysis*) melalui gagasan Modal Insan yang diterapkan sebagai kerangka analisis. Berasaskan kerangka ini, tesis ini menganalisis 19 buah novel iaitu jumlah keseluruhan novel yang dijadikan teks KOMSAS untuk murid-murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, dari tahun 2010 hingga 2016. Tesis ini berhasil dalam mengorganisasikan nilai-nilai yang menunjangi kerangka Modal Insan, yang kesemuanya merangkumi nilai berilmu, berkeyakinan, beretika, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, sihat, kreatif, inovatif, patriotik, keadilan, cekal dan berdaya saing. Analisis ini juga mendapati bahawa nilai “Cekal” mendominasi nilai-nilai Modal Insan menerusi novel teks KOMSAS. Seterusnya diikuti dengan nilai “Berilmu”, “Keyakinan”, “Patriotik”, “Disiplin”, “Sihat”, “Inovatif”, “Sopan Santun” dan “Kreatif”. Nilai yang kurang dimanifestasikan dalam teks novel KOMSAS ialah ialah “Etika”, “Dinamik”, “Keadilan” dan “Berdaya Saing”, masing-masing dalam sebuah teks. Analisis ini turut mendapati novel *Konserto Terakhir* memanifestasikan nilai yang paling banyak menerusi novel teks KOMSAS. Secara keseluruhannya, tesis ini merumuskan bahawa kesemua novel yang dikaji

didapati sesuai dijadikan sebagai teks KOMSAS. Dapatan-dapatan ini dengan jelas membuktikan bahawa nilai Modal Insan memainkan peranan penting ke arah usaha-usaha untuk membangunkan modal insan dalam kalangan murid.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

VALUES OF HUMAN CAPITAL NOVEL KOMSAS TEXT

By

NORASIAH BINTI ABDULLAH

October 2018

Chairman : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Language and Communications

This thesis discusses the observation of existing academic studies that highlighted some academics gaps in the study of the texts used in the teaching of the Literature Component in Malay Language (KOMSAS). Among them, the appropriateness of the KOMSAS texts is still a debate. Observation also identifies the tendency of academic studies in applying the theory, approach or Western model, as well as some studies that apply the theory / model of the local literary expertise. In addition, most studies were also conducted on a simple scale and examined a small number of KOMSAS texts. All of the above mentioned gaps are proposed as a matter of demanding a systematic academic study. With the above issues, this thesis is structured to achieve three objectives. First, organize values that support the idea of Human Capital in a systematic analysis framework. Secondly, analyze the novels of KOMSAS texts according to the Human Capital framework. Third, summarize the conformity of the values contained in novels of KOMSAS texts according to the Human Capital framework. To achieve these three objectives, this thesis adopts a textual analysis approach through the idea of Human Capital that is being applied as analytical framework. Based on this framework, this thesis analyzes 19 novels, the total number of novels composed of KOMSAS texts for Form 1 to Form 5 students, from 2010 to 2016. This thesis succeeds in organizing values that support the Human Capital framework, all of which encompasses knowledge, confidence, ethics, polite, discipline, dynamic, healthy, creative, innovative, patriotic, justice, determination and competitive values. This analysis also discovers that the "determination" is the value that dominates the Human Capital values through the KOMSAS text novel. This value is followed by other values like "Knowledge", "Confidence", "Patriotic", "Discipline", "Healthy", "Innovative", "Polite" and "Creative" values. The less-manifested values in KOMSAS's novel texts are "Ethics", "Dynamics", "Justice" and "Competitive", respectively in a text. This analysis also reveals the novel of the *Konserto Terakhir* manifesting the most values throughout the novels of the KOMSAS texts. Overall, this thesis concludes that all the novels studied are suitable found as KOMSAS texts. These findings clearly prove that the value of Human Capital plays an important role towards efforts to develop human capital among students.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

Dengan Nama Allah SWT Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang
Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Dengan rasa kesyukuran, Alhamdulillah kepada Ilahi kerana dengan limpah izin serta rahmatNya dapat saya menyiapkan tesis ini untuk kursus PhD. bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Jesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Tesis ini pada mulanya diselia oleh Prof. Madya Dr. Hajah Samsina binti Abd. Rahman sehingga beliau kemudiannya bersara pilihan pada tahun 2015. Selepas itu, penyeliaan tesis ini diteruskan di bawah ahli jawatankuasa penyeliaan baharu yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani, dan dianggotai oleh Prof. Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin dan Dr. Halis Azhan bin Mohd Hanafiah. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hajah Samsina binti Abd. Rahman atas segala bimbingan dan tunjuk ajar. Ucapan berbanyak-banyak terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani, Prof. Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin dan Dr. Halis Azhan bin Mohd Hanafiah yang memberikan kerjasama, nasihat, tunjuk ajar, saranan idea dan bimbingan sehingga tesis ini dapat disiapkan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa peperiksaan tesis, pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi dan Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin yang menitipkan ilmu yang berguna semasa proses pembelajaran dijalankan. Terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan pengajian ini. Turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Wisata Minda Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sumber al-Ghazali IPG Kampus Pendidikan Islam atas kemudahan dan kerjasama yang diberikan.

Akhir sekali, dedikasi khas kepada ayahanda: Allahuhyarham Tuan Haji Abdullah bin Bador dan bonda: Hajah Siti Ruhani binti Musa kerana keberkatan doamu memakbulkan impian ini. Istimewa juga buat anakanda Muhammad Helmi bin Hj. Ruzaili, keluarga, rakan taulan serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyokong dan mendoakan kejayaan ini. Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan ke arah menambahkan hasilan bahan sastera.
Sekian, wassalam.

NORASIAH BINTI ABDULLAH

No: 16, Jalan 5C/9, Seksyen 5, Bandar Baru Bangi

43560 Kajang, Selangor.

Okttober 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Halis Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyeliaan dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan dan elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbas dengan pengesan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norasiah binti Hj. Abdullah (GS29206)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : _____

SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
I	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kajian-kajian Lepas	5
1.2.1 Kajian Ilmiah yang Memperakukan Kesesuaian Teks KOMSAS	5
1.2.2 Kajian Ilmiah yang Mempertikaikan Kesesuaian Teks KOMSAS	10
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Pendekatan Kajian dan Kerangka Analisis	20
1.6 Kriteria Pemilihan Teks dan Skop Kajian	23
1.7 Definisi Operasional	23
1.7.1 “Nilai”	23
1.7.2 “Modal Insan”	26
1.7.3 “Novel Teks KOMSAS”	29
1.8 Pembahagian dan Organisasi Bab	31
1.9 Kepentingan Kajian	33
2	
SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	34
2.2 Korpus Literatur Berkaitan “Nilai”	34
2.3 Korpus Literatur Berkaitan “Modal Insan”	39
2.4 Korpus Literatur Berkaitan “Novel Teks KOMSAS”	45
2.5 Kesimpulan	51
3	
MODAL INSAN: SATU KERANGKA ANALISIS	
3.1 Pengenalan	52
3.2 Abdullah Ahmad Badawi: Pencetus Gagasan Modal Insan	52
3.2.1 Peribadi dan Keluarga	52
3.2.2 Pendidikan	53
3.2.3 Kerjaya dan Karier Politik	53
3.2.4 Visi dan Misi	54
3.3 Gagasan Modal Insan oleh Abdullah Ahmad Badawi: Satu Pengenalan	56

3.4	Reaksi dan Resepsi Kritis Terhadap Gagasan Modal Insan	61
3.4.1	Reaksi dan Resepsi daripada Dunia Politik	62
3.4.2	Reaksi dan Resepsi Kritis daripada Dunia Akademik	63
3.5	Nilai-nilai dalam Kerangka Modal Insan	67
3.5.1	Berilmu	67
3.5.2	Berkeyakinan	69
3.5.3	Beretika	71
3.5.4	Bersopan Santun	72
3.5.5	Berdisiplin	73
3.5.6	Dinamik	75
3.5.7	Sihat	76
3.5.8	Kreatif	78
3.5.9	Inovatif	80
3.5.10	Patriotik	81
3.5.11	Keadilan	83
3.5.12	Cekal	85
3.5.13	Berdaya saing	86
3.6	Kesimpulan	88
4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pengenalan	91
4.2	Analisis Novel-novel Teks KOMSAS Menurut Kerangka Modal Insan	91
4.2.1	Nilai “Berilmu”	91
4.2.1.1	Novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	92
4.2.1.2	Novel <i>Lestari Bukit Menghijau</i>	93
4.2.1.3	Novel <i>Cempaka Putih Untukmu</i>	95
4.2.1.4	Novel <i>Azfa Hanani</i>	97
4.2.1.5	Novel <i>Melunas Rindu</i>	98
4.2.1.6	Novel <i>Konserto Terakhir</i>	100
4.2.1.7	Novel <i>Kabus di Perbukitan</i>	101
4.2.1.8	Novel <i>PAPA...(akhirnya kau tewas juga!)</i>	103
4.2.1.9	Novel <i>Kembara Amira</i>	104
4.2.2	Nilai “Berkeyakinan”	105
4.2.2.1	Novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	105
4.2.2.2	Novel <i>Erti Sebuah Pengorbanan</i>	107
4.2.2.3	Novel <i>Sutera Dalam Lukisan</i>	108
4.2.2.4	Novel <i>Kabus di Perbukitan</i>	110
4.2.2.5	Novel <i>Konserto Terakhir</i>	112
4.2.3	Nilai “Beretika”	114
4.2.3.1	Novel <i>6:20</i>	114
4.2.4	Nilai “Bersopan Santun”	116
4.2.4.1	Novel <i>Erti Sebuah Pengorbanan</i>	116
4.2.4.2	Novel <i>Di Sebalik Wajah</i>	118
4.2.5	Nilai “Berdisiplin”	120
4.2.5.1	Novel <i>Hikmah</i>	120
4.2.5.2	Novel <i>Merenang Gelora</i>	121

4.2.5.3	Novel <i>Konserto Terakhir</i>	123
4.2.6	Nilai “Dinamik”	124
4.2.6.1	Novel <i>Renyah</i>	124
4.2.7	Nilai “Sihat”	126
4.2.7.1	Novel <i>Lestari Bukit Menghijau</i>	126
4.2.7.2	Novel <i>Sutera Dalam Lukisan</i>	129
4.2.8	Nilai “Kreatif”	130
4.2.8.1	Novel <i>Lestari Bukit Menghijau</i>	130
4.2.8.2	Novel <i>Konserto Terakhir</i>	132
4.2.9	Nilai “Inovatif”	134
4.2.9.1	Novel <i>Wira Persona Avatar</i>	134
4.2.9.2	Novel <i>Konserto Terakhir</i>	135
4.2.10	Nilai “Patriotik”	137
4.2.10.1	Novel <i>Istana Menanti</i>	137
4.2.10.2	Novel <i>Wira Persona Avatar</i>	139
4.2.10.3	Novel <i>Kabus di Perbukitan</i>	141
4.2.11	Nilai “Keadilan”	142
4.2.11.1	Novel <i>Renyah</i>	142
4.2.12	Nilai “Cekal”	144
4.2.12.1	Novel <i>Hikmah</i>	144
4.2.12.2	Novel <i>Bukan Duniaku</i>	145
4.2.12.3	Novel <i>Sukar Membawa Tuah</i>	147
4.2.12.4	Novel <i>Istana Menanti</i>	148
4.2.12.5	Novel <i>Lestari Bukit Menghijau</i>	149
4.2.12.6	Novel <i>Di Sebalik Wajah</i>	151
4.2.12.7	Novel <i>Erti Sebuah Pengorbanan</i>	152
4.2.12.8	Novel <i>Cempaka Putih Untukmu</i>	154
4.2.12.9	Novel <i>Melunas Rindu</i>	155
4.2.12.10	Novel <i>Renyah</i>	156
4.2.12.11	Novel <i>Sutera Dalam Lukisan</i>	158
4.2.12.12	Novel <i>Kabus di Perbukitan</i>	159
4.2.12.13	Novel <i>Konserto Terakhir</i>	160
4.2.13	Nilai “Berdaya Saing”	162
4.2.13.1	Novel <i>Erti Sebuah Pengorbanan</i>	162
4.3	Kesesuaian Nilai dalam Novel Teks KOMSAS Menurut Kerangka Modal Insan	164
4.4	Kesimpulan	170
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	172
	BIBLIOGRAFI	175
	LAMPIRAN	191
	BIODATA PELAJAR	212
	SENARAI PENERBITAN	213

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Carta Aliran Mengorganisasikan Kerangka Modal Insan	22
2	Nilai-nilai dalam Kerangka Modal Insan	88
3	Kerangka Modal Insan dalam Novel Teks KOMSAS	90



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Peruntukan Jumlah Waktu Untuk Komponen Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu Tingkatan 1 Hingga Tingkatan 5	203
2	Bentuk dan Bilangan Buku Teks	204
3	Novel Teks Komponen Kesusasteraan Tingkatan 1 Hingga Tingkatan 5 Kegunaan dari Tahun 2010 Hingga 2016	205
4	Pembahagian Zon-zon Novel KOMSAS Kegunaan Tahun 2010-2016	206
5	Analisis Nilai-Nilai Modal Insan dalam Novel Teks KOMSAS	207
6	Rumusan Kedudukan Nilai Modal Insan	209
7	Analisis Penggunaan Nilai-Nilai Modal Insan dalam Novel Teks KOMSAS	210

SENARAI SINGKATAN

<i>AH</i>	<i>Azfa Hanani</i>
<i>BDK</i>	<i>Bukan Duniaku</i>
<i>CPU</i>	<i>Cempaka Putih Untukmu</i>
<i>CPU</i>	<i>Central Processing Unit</i>
<i>DBP</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>DSW</i>	<i>Di Sebalik Wajah</i>
<i>ESP</i>	<i>Erti Sebuah Pengorbanan</i>
<i>FPK</i>	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
<i>GAPENA</i>	Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia
<i>ICT</i>	<i>Information Communication Technology</i>
<i>IIM</i>	Institut Integriti Malaysia
<i>IKIM</i>	Institut Kefahaman Islam Malaysia
<i>IM</i>	<i>Istana Menanti</i>
<i>HSKU</i>	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan
<i>JERI</i>	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual
<i>JPA</i>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<i>KA</i>	<i>Kembara Amira</i>
<i>KHWB</i>	<i>Kapten Hassan Wira Bangsa</i>
<i>KBSM</i>	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
<i>KDP</i>	<i>Kabus di Perbukitan</i>
<i>KMM</i>	Kualiti Mutu Menyeluruh
<i>KOMSAS</i>	Komponen Kesusastraan
<i>KPI</i>	<i>Key Performance Indicator</i>
<i>KPLI</i>	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
<i>KPM</i>	Kementerian Pelajaran Malaysia
	Kementerian Pendidikan Malaysia
<i>KT</i>	<i>Konserto Terakhir</i>
<i>LBM</i>	<i>Lestari Bukit Menghijau</i>
<i>MAEPS</i>	<i>Malaysia Agro Exposition Park</i>
<i>MAGERAN</i>	Majlis Gerakan Negara
<i>MCCF</i>	<i>Malaysian Community Care Foundation</i>
<i>MIMOS</i>	<i>Malaysian Institute of Microelectronic Systems</i>
<i>MKK</i>	Majlis Kecergasan Kebangsaan
<i>MG</i>	<i>Merenang Gelora</i>
<i>MPKMU</i>	Model Pola Kombinasi Maksim Umum
<i>MR</i>	<i>Melunas Rindu</i>
<i>NGO</i>	Non-Governmental Organization / Pertubuhan Bukan Kerajaan
<i>OKU</i>	Orang Kelainan Upaya
<i>PAPA</i>	<i>PAPA...(akhirnya kau tewas ju!)</i>
<i>PENA</i>	Persatuan Penulis Nasional Malaysia
<i>PhD</i>	<i>Doctor of Philosophy</i>
<i>PIBGN</i>	Permuafakatan Persatuan Ibu bapa dan Guru Nasional
<i>PICC</i>	Putrajaya International Convention Centre
<i>PIN</i>	Pelan Integriti Nasional
<i>PMR</i>	Penilaian Menengah Rendah
<i>PPK</i>	Pusat Perkembangan Kurikulum
<i>PPPM</i>	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

PTD	Pegawai Tadbir Diplomatik
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Malaysia
RAM	<i>Random Access Memory</i>
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-11	Rancangan Malaysia kesebelas
RTM	Rancangan Televisyen Malaysia
RTC	<i>Rural Transformation Centre</i>
SAW	Salaullahualaihu Wassalam
SDL	<i>Sutera Dalam Lukisan</i>
SMT	<i>Sukar Membawa Tuah</i>
SPB4K	Sistem Pemikiran Bersepada 4K
SPB4L	Sistem Pemikiran Bersepada 4L
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SWT	Subhanahu Wa Taala
UMNO	<i>The United Malays National Organization</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>
WPA	<i>Wira Persona Avatari</i>
WIFE	Forum Ekonomi Islam Dunia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan Malaysia (seterusnya KPM) telah memperkenalkan “Komponen Kesusasteraan dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu” atau yang lebih dikenali sebagai KOMSAS di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia. KOMSAS merupakan akronim bagi “komponen” dan “kesusasteraan.” Dari segi sejarah, cadangan untuk memperkenalkan “Komponen Kesusasteraan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu” (selepas ini dan sepanjang tesis akan disebut sebagai KOMSAS) mula diajukan pada 24 Februari 1999 dalam Mesyuarat Jemaah Menteri Bil. 4/99 (*Sinar Online*, 13 Februari 2014). Mesyuarat ini antara lain mencadangkan supaya Kesusasteraan Melayu dijadikan sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Komponen ini terangkum dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (seterusnya PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (seterusnya SPM) (Naffi Mat, 2006: 9). Seterusnya, cadangan tersebut diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 1/99 bertarikh 5 Mac 1999 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999; Ariff Mohamad, 2009: 7).

Rentetan itu, pada 22 Jun 1999, Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, Dato’ Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, dalam kenyataan rasminya mengarahkan KPM membuat persediaan supaya Kesusasteraan Melayu diperkenalkan sebagai satu komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah (Naffi Mat, 2006: 9). Seterusnya, arahan ini dilaksanakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (seterusnya PPK) dengan mencadangkan supaya Kesusasteraan Melayu diperkenalkan sebagai satu komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Pada tahun 2000, KPM melalui PPK telah mengeluarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Edisi Penyesuaian) yang menjadikan KOMSAS sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000*, 2000: 2; *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Edisi Penyesuaian)*, 2000). Setelah diluluskan, *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000: Pelaksanaan Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) Bermula Tahun 2000* yang bertarikh 23 Februari 2000, dikeluarkan kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri. Pekeliling ini menjelaskan tentang tujuan, tarikh pelaksanaan, bentuk dan bilangan teks, bahan kurikulum, peruntukan waktu dan penaksiran (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000*, 2000: 1-2). Seterusnya, mulai Mac 2000, KOMSAS dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Pada tahun 2001, KOMSAS dilaksanakan pula bagi murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 5. Manakala pada tahun 2002, bagi murid Tingkatan 3. Dengan itu, KOMSAS dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 2002 (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000*, 2000: 1).

Dapat dikatakan bahawa pelaksanaan KOMSAS dianggap cetusan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (seterusnya FPK), yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Naffi Mat, 2006: 11; Nik Hassan Nik Ab. Kadir, 2007). Berteraskan falsafah di atas, KOMSAS dilaksanakan bagi menyesuaikan transformasi yang berlaku dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah yang disediakan oleh PPK pada awal tahun 2000. Antara transformasi yang dilakukan ialah menjadikan KOMSAS sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi peperiksaan-peperiksaan awam seperti SPM dan PMR. Dengan ini, semua murid sama ada aliran sastera, sains, teknik, vokasional mahupun aliran agama, diwajibkan untuk mempelajari KOMSAS (Sulaiman Masri, Mashudi Bahari dan Juliliyana Mohd Junid, 2007: 307). Transformasi ini menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu mengandungi dua komponen, iaitu komponen bahasa dan komponen kesusasteraan. Berikut itu, Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah mengandungi komponen bahasa yang merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat dan Bidang Estetik. Manakala, komponen Kesusasteraan Melayu dilaksanakan untuk memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Kedua-dua komponen ini dapat berdiri sendiri dan saling berkaitan (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM*, 2000, Edisi 11: 1). Seterusnya, dalam melaksanakan KOMSAS, PPK turut mengeluarkan unjuran waktu mengajar bagi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Dalam unjuran ini, PPK menetapkan apa yang dikenali sebagai “Konsep 4+2”, iaitu empat waktu untuk mempelajari aspek bahasa, manakala dua waktu lagi untuk KOMSAS. Dari segi pelaksanaannya, murid-murid mempelajari mata pelajaran KOMSAS sebanyak 56 waktu dalam tempoh 26 minggu setahun (*Utusan Online*, 29 September 1999) seperti Jadual 1 (LAMPIRAN 2). Sepanjang tempoh ini, murid-murid sekolah menengah mempelajari enam genre sastera iaitu novel, cerpen, drama, sajak, puisi tradisional dan prosa tradisional. Setiap tingkatan pula perlu mempelajari 29 karya yang meliputi semua genre di atas (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; *Surat Pekeling Ikhitas Bil. 7/2009*: 4). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa setiap murid perlu membaca sebanyak 145 karya sastera (pelbagai genre) dalam tempoh lima tahun persekolahan, iaitu daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 seperti Jadual 2 (LAMPIRAN 3).

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, pengenalan serta pelaksanaan KOMSAS diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 1/99 bertarikh 5 Mac 1999 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999). Dengan kelulusan tersebut, usaha seterusnya oleh PPK ialah memilih karya-karya yang sesuai dijadikan teks KOMSAS. Senarai teks KOMSAS dikemukakan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum Bil. 2/99 pada 11 Jun 1999 (*Utusan Online*, 22 Julai 1999). Setelah dilaksanakan dengan menggunakan teks-teks yang dipilih, pelaksanaan KOMSAS kemudiannya dinilai di peringkat SPM dan PMR. Lembaga Peperiksaan Malaysia kemudiannya dikehendaki menyediakan satu bentuk pentaksiran baharu, iaitu memasukkan komponen Kesusasteraan Melayu dalam kertas Bahasa Melayu pada peringkat PMR dan SPM (*Modul Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS*, 2004: 1). Dengan pentaksiran baharu itu, pada tahun 2001, KOMSAS dirangkumkan dalam kertas peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat SPM, dan kemudiannya PMR pada tahun 2002. Sementara pelaksanaan ujian sepenuhnya

termasuk kertas Bahasa Melayu Julai hanya bermula pada tahun 2003 (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000*, 2000: 2; *Utusan Online*, 22 Julai 1999).

Seterusnya, pada tahun 2003, semakan dilakukan terhadap kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM 2001 telah diberi nilai tambah. Huraian itu menyebut tujuan semakan ini, iaitu "...untuk menyediakan pelajar-pelajar menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berdasarkan ilmu pada abad ke 21" (*Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 5 Bahasa Melayu*, 2003: ix). Beberapa pengubahsuaan dan unsur baharu dalam pendidikan diintegrasikan dalam isi kandungan kurikulum, objektif, pengenalan serta pelaksanaan KOMSAS. Turut ditekankan ialah soal pemupukan dan penghayatan nilai-nilai murni. Nilai-nilai ini dianggap terkandung dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum, yang diselaraskan dengan nilai-nilai moral sejagat (*Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 5 Bahasa Melayu*, 2003: 12).

Selaras dengan objektif KOMSAS di atas, sukanan pelajaran Bahasa Melayu diorganisasikan dengan tujuan untuk memupuk minat membaca dan mendapatkan keseronokan daripada membaca bahan-bahan sastera, di samping memberi kemahiran kepada pelajar menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif (*Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 5 Bahasa Melayu*, 2003: 2). Selain itu, unsur-unsur kerohanian dalam Pendidikan Moral turut disatukan dalam KOMSAS. Penyatuan ini dianggap sebagai satu usaha untuk membentuk insan yang harmonis, luhur dan mulia. Justeru, pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah bukan sahaja menanam kemahiran berbahasa di peringkat asas, tetapi nilai-nilai murni (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM*, 2003: 12). Selaras dengan penekanan terhadap nilai-nilai di atas, KOMSAS distrukturkan dengan tujuan untuk mendorong murid-murid membaca serta mengapresiasi karya-karya sastera. Murid turut mengetahui latar belakang penulis dan sasterawan termasuk sumbangan mereka, selain mengetahui sejarah perkembangan sastera tanah air (Naffi Mat, 2006: 10). Seiring dengan objektif-objektif di atas, KOMSAS turut memberi pendedahan tentang aspek-aspek asas dalam memahami genre sastera. Antaranya, mengenal genre-genre sastera seperti novel, cerpen, sajak, drama dan sebagainya, memahami istilah-istilah sastera, aspek penciptaan seperti pembinaan plot dan sebagainya, menilai mesej, pengajaran, nilai-nilai kemanusiaan serta kebudayaan termasuk menaakul tema atau pemikiran, dan menilai serta mengulas gaya bahasa, unsur bunyi dan nada (*Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 5 Bahasa Melayu*, 2003: 9).

Seterusnya, bagi memastikan tercapainya objektif-objektif di atas, aspek pemilihan teks KOMSAS turut dititikberatkan. Untuk itu, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan oleh PPK bagi tujuan memilih karya sastera untuk dijadikan sebagai teks KOMSAS. Pemilihan teks ini mengambil kira beberapa kriteria seperti isi kandungan, nilai serta pengajaran yang baik dan gaya bahasa. Dalam proses pemilihan teks, PPK menggariskan peraturan serta prosedur pemilihan. Antaranya, membuat tawaran penerbitan, melantik panel pemilihan teks, melantik jawatankuasa penentu bilangan teks, jawatankuasa tertinggi pemilihan dan pemilihan teks perlu mematuhi kehendak FPK, Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Elektif (*Utusan Online*, 28 Januari 2008).

Karya-karya sastera yang terpilih sebagai teks KOMSAS kemudiannya dimasukkan dalam senarai buku teks yang diedarkan melalui Skim Pinjaman Buku Teks. Buku-buku teks KOMSAS seterusnya digunakan pakai di sekolah mengikut arahan yang dikeluarkan oleh KPM.

Selanjutnya, sebuah novel dipilih untuk digunakan bagi tujuan pengajaran di sekolah-sekolah di Malaysia yang dibahagikan kepada empat zon. Pengagihan novel teks KOMSAS mengikut zon ditetapkan oleh KPM (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000*, 2000; *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2009*, 2009). Merujuk kepada genre novel, skop kajian ini dibataskan kepada novel-novel teks KOMSAS kegunaan dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut empat zon yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 4 (yang dikepilkhan dalam kajian ini sebagai LAMPIRAN 5). Terdapat 19 buah novel yang dijadikan sebagai teks KOMSAS seperti dalam Jadual 3 (yang dikepilkhan dalam kajian ini sebagai LAMPIRAN 4) (*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2009*, 2009; *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2010*, 2010; *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2011*, 2011).

Dalam kontek kajian ini, soal pembangunan modal insan sebagai strategi utama untuk membangunkan masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh. Pembangunan modal insan yang mampu melahirkan insan dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membangunkan masyarakat dan bangsa. Sesuai dengan fokus kajian, pemilihan kerangka Modal Insan sebagai kerangka analisis kajian, berdasarkan kepada pertimbangan bahawa gagasan Modal Insan menjadi antara agenda nasional yang masih dipertahankan dan relevan sehingga kini. Tersedianya gagasan Modal Insan sebagai satu gagasan yang menjadi agenda pembangunan nasional hari ini, termasuk bidang pendidikan dan dengan sendirinya mendorong kajian ini untuk menerapkannya (gagasan Modal Insan) sebagai kerangka bersifat tempatan. Justeru, satu kajian ilmiah yang menerapkan sebuah teori atau model tempatan yang diasaskan pada gagasan atau agenda yang bersifat nasional, dengan penekanan terhadap nilai-nilai yang diperakukan pada peringkat nasional digunapakai. Nilai-nilai yang menunjangi gagasan Modal Insan, iaitu berilmu, berkeyakinan, beretika, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, sihat, kreatif, inovatif, patriotik, keadilan, cekal dan berdaya saing. Untuk tujuan analisis, nilai-nilai dalam kerangka Modal Insan yang telah digariskan secara sistematik ini, akan diterapkan dalam menganalisis novel-novel teks KOMSAS yang dikaji. Dengan penerapan nilai-nilai Modal Insan, kajian ini akan menjadikan soal pembangunan modal insan sebagai strategi utama untuk membangunkan kelestarian jati diri serta nilai tambah rakyat Malaysia. Sementara itu, Modal insan turut menjadi satu strategi dan tumpuan penting dalam pembangunan Malaysia dan dilihat sebagai satu transformasi dalam memastikan kejayaan sesebuah negara. Dengan itu, modal insan menjadi satu agenda nasional untuk membangunkan warga Malaysia dalam pelbagai aspek yang bersifat menyeluruh, holistik dan berkualiti. Sehubungan dengan pemilihan gagasan Modal Insan sebagai kerangka analisis, penting untuk kajian ini menjelaskan beberapa perkara yang relevan terutamanya dalam konteks nilai-nilai yang telah sedia diguna pakai dalam pendidikan di Malaysia.

Adalah menarik untuk dinyatakan bahawa terpilihnya teks KOMSAS ini mengundang kepada sejumlah kajian ilmiah yang rata-rata meneliti teks KOMSAS daripada

pelbagai aspek. Justeru, bahagian seterusnya akan membincangkan beberapa kajian ilmiah yang meneliti teks KOMSAS, dan secara signifikan dianggap dapat membantu kajian ini bagi mengenal pasti permasalahan kajian.

1.2 Kajian-kajian Lepas

Pengamatan terhadap beberapa kajian-kajian ilmiah tentang teks KOMSAS berupaya melakarkan dua jalur kecenderungan yang menarik untuk diberikan perhatian. Pertama ialah kecenderungan dalam memperakukan kesesuaian karya-karya sastera yang dipilih sebagai teks KOMSAS. Manakala, yang kedua pula ialah kecenderungan dalam mempertikaikan kesesuaian karya-karya yang dipilih sebagai teks KOMSAS.

1.2.1 Kajian Ilmiah yang Memperakukan Kesesuaian Teks KOMSAS

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pengamatan awal kajian ini antaranya mengenal pasti kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada dalam memperakukan kesesuaian karya-karya sastera yang dipilih sebagai teks KOMSAS. Kecenderungan ini, antara diperlihatkan dalam tesis kedoktoran oleh Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (seterusnya Nik Rafidah) bertajuk “Pemikiran dan Teknik Penceritaan dalam Novel Komponen Kesusasteraan dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu” (2005). Tesis kedoktoran ini membangkitkan permasalahan tentang pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi dalam novel-novel yang dijadikan teks KOMSAS. Aspek-aspek ini diteliti untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat. Selain itu, penganalisisan teknik penceritaan pula merangkumi teknik pemerian, tuturan yang terdiri daripada dialog, monolog dan monolog dalaman, imbas kembali, imbas muka, ketegangan dan kejutan. Berlatarbelakangkan permasalahan ini, tesis kedoktoran Nik Rafidah mensasarkan empat objektif kajian. Pertama, menganalisis pemikiran pengarang sebagaimana yang dimanifestasikan dalam novel-novel teks KOMSAS dari aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik mengikut pendekatan psikologi. Kedua, menganalisis pemikiran pengarang dalam novel-novel teks KOMSAS yang dikaji dari aspek sosiobudaya, sosioekonomi, dan sosiopolitik mengikut Pendekatan Etika. Ketiga, menganalisis teknik penceritaan dalam novel-novel teks KOMSAS berdasarkan Pendekatan Psikologi. Dan terakhir ialah menganalisis teknik penceritaan dalam novel-novel teks KOMSAS berdasarkan Pendekatan Etika. Dalam usaha mencapai objektif-objektif ini, tesis kedoktoran ini memilih untuk menggabungkan dua pendekatan yang berbeza, iaitu Pendekatan Psikologi dan Pendekatan Etika. Penggabungan kedua-dua pendekatan ini dijangka dapat membantu tesis kedoktoran ini dalam merungkaikan permasalahan kajian yang dinyatakan di atas. Untuk itu, tesis kedoktoran Nik Rafidah meneliti 20 buah novel teks KOMSAS kegunaan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 bagi tahun 2000 hingga 2009. Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, tesis kedoktoran ini antaranya mendapati bahawa novel-novel teks KOMSAS yang dikaji memanifestasikan pemikiran tentang kehidupan manusia yang menghadapi pergolakan hidup seperti suka, duka, baik, jahat, takut, berani, lemah, dan kuat. Selain itu, tesis kedoktoran ini juga mendapati pemikiran positif dan negatif dalam novel-novel teks KOMSAS yang dikaji dapat diamati melalui aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik.

Ketiga-tiga aspek ini didapati saling berkait rapat dan mempengaruhi dalam membentuk kehidupan masyarakat di desa maupun di kota. Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa tesis kedoktoran Nik Rafidah ini merupakan satu kajian ilmiah yang dapat memberi sumbangan dalam pengkajian tentang novel-novel teks KOMSAS, terutamanya dari aspek psikologi dan etika. Pengkajian terhadap kedua-dua aspek ini masih dapat membuka ruang terhadap penelitian aspek-aspek lain. Ini kerana aspek psikologi dan aspek etika yang menjadi fokus tesis kedoktoran ini, pada asasnya menerapkan pendekatan Barat yang lebih berlebaran sekitar emosi serta tingkah laku manusia, dan tidak menjangkau ke dimensi spiritual. Dengan kata lain, dapat dikatakan bahawa Pendekatan Psikologi dan Pendekatan Etika yang digunakan dalam tesis kedoktoran ini telah meminggirkan aspek spiritual.

Pengamatan ini diteruskan terhadap tesis kedoktoran Maridah Alias (seterusnya Maridah) bertajuk “Kesesuaian Novel Komponen Kesusasteraan dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu” (2005). Tesis kedoktoran ini membangkitkan permasalahan tentang struktur penceritaan dan kesesuaian struktur penceritaan terhadap novel-novel yang dipilih sebagai teks KOMSAS. Novel-novel yang dipilih dikatakan menepati garis panduan kriteria penilaian dan pemilihan teks KOMSAS yang ditetapkan oleh PPK. Dengan permasalahan ini, tesis kedoktoran Maridah ini mensasarkan dua objektif kajian. Pertama, menganalisis struktur penceritaan novel-novel teks KOMSAS dengan memberikan penekanan terhadap unsur dalam novel iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, dan gaya mengikut Pendekatan Formalisme dan Pendekatan Psikoanalisis. Kedua, mengenal pasti kesesuaian struktur penceritaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan kurikulum yang difokuskan kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Bagi mencapai kedua-dua objektif di atas, tesis kedoktoran ini menerapkan pendekatan kajian yang menggabungkan antara Pendekatan Formalisme dengan Pendekatan Psikoanalisis. Tesis kedoktoran dilakukan ke atas 20 buah novel teks KOMSAS bagi tahun 2000 hingga 2009. Tesis kedoktoran ini mendapat terdapat hubungan antara struktur penceritaan novel yang dikaji dengan kurikulum untuk mencapai FPK. Corak pemikiran dan aliran persembahan dalam novel-novel teks KOMSAS didapati mempunyai kecenderungan dalam melahirkan murid-murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Novel-novel yang dikaji juga didapati mengandungi aspek-aspek kerohanian yang tersemai pada watak-watak yang mengisi cerita. Hal ini dianggap seiring dengan matlamat kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak yang mulia, selain membentuk masyarakat dengan nilai-nilai murni seperti baik hati, hemah tinggi, keberanian dan patriotisme. Watak-watak dalam novel-novel teks KOMSAS yang dikaji didapati meletakkan asas ketakwaan kepada Allah SWT dan mengajak ke arah kebaikan. Tesis kedoktoran ini turut mendapat bahawa terdapat novel yang membicarakan persoalan patriotisme. Persoalan patriotisme juga dianggap bersesuaian dengan tuntutan kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu yang menitik beratkan semangat kewarganegaraan dan perpaduan. Tesis kedoktoran ini juga mendapat bahawa maklumat dan rumusan tentang unsur-unsur yang membentuk struktur penceritaan novel, seajar dengan kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa tesis kedoktoran Maridah merupakan satu kajian ilmiah yang dapat dijadikan landasan khususnya oleh pihak KPM bagi memilih teks KOMSAS. Teks KOMSAS yang baik dianggap berupaya membentuk generasi insan yang unggul dari aspek fizikal dan spiritual dan

boleh dijadikan teladan kepada pembacanya. Walau bagaimanapun, pengkajian terhadap kedua-dua aspek ini masih boleh ditingkatkan dengan melihat kepada kerangka teori yang lebih dekat dengan pemikiran budaya dan bangsa Malaysia, dan membuka ruang penelitian terhadap aspek-aspek lain. Ruang ini dengan sendirinya memberi kemungkinan terhadap kehadiran sebuah kajian ilmiah yang meneliti aspek spiritual dengan memberi fokus terhadap soal pembangunan insan, atau sering diungkapkan sebagai modal insan.

Seterusnya, pengamatan diteruskan terhadap tesis sarjana yang diusahakan oleh Noraslan Norasim (seterusnya Noraslan) bertajuk “Tinjauan Nilai Murni KBSM dalam Novel KOMSAS Peringkat Menengah Rendah” (2010). Tesis sarjana Noraslan ini membangkitkan permasalahan berkaitan keperluan memperoleh karya-karya yang benar-benar sarat dengan nilai murni. Nilai murni dalam teks KOMSAS penting untuk membolehkan murid meneladani dan menjawai nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, tesis sarjana ini menetapkan empat objektif untuk dicapai. Pertama, mengenal pasti medium-medium yang digunakan oleh penulis teks bagi menyalurkan aspek nilai murni Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (seterusnya KBSM) kepada murid menengah rendah. Kedua, mengetahui jenis nilai-nilai murni KBSM yang dibawakan oleh medium-medium yang dikesan berdasarkan kehendak nilai oleh PPK. Ketiga, melihat aspek nilai murni KBSM dalam novel teks yang kaji, dari sudut kekerapan dan perbandingan. Dan keempat, mengesahkan sama ada novel teks KOMSAS yang dikaji layak atau tidak untuk dijadikan wahana nilai bagi menyalurkan aspek nilai murni KBSM melalui KOMSAS. Dalam usaha mencapai objektif-objektif ini, tesis sarjana Noraslan ini memilih untuk menggabungkan tiga pendekatan yang berbeza, iaitu Teori Sentimen Moral, Takmilah dan Teori Pendidikan Estetik. Tesis sarjana Noraslan ini menganalisis novel teks KOMSAS *Kapten Hassan Wira Bangsa* (seterusnya *KHWB*) (2000) karya Harun Johari, kegunaan murid Tingkatan 2 mulai tahun 2001 hingga 2010. Tesis sarjana ini mendapati bahawa novel teks KOMSAS yang dikaji menepati kehendak nilai-nilai murni yang terkandung di dalam KBSM. Novel yang dikaji turut berfungsi sebagai wahana pembangunan insan dalam membentuk nilai kemanusiaan. Hasil keputusan analisis kajian turut mengesahkan bahawa kandungan novel ini berpotensi dalam menyumbang manfaat yang besar dari sudut pendidikan nilai dan pembentukan akhlak murid. Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa tesis sarjana Noraslan ini merupakan satu kajian ilmiah yang dapat membantu murid menguasai kemahiran berbahasa, serta elemen KOMSAS dengan memberi penekanan pada nilai murni dan semangat patriotik.

Seterusnya, pengamatan ini diteruskan terhadap artikel oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid bertajuk “Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel *Melunas Rindu*: Aplikasi Maksim Leech dan Grice” (2015). Artikel ini membangkitkan permasalahan tentang kesopanan berbahasa merupakan penggunaan bahasa yang berlapik, halus, berhemah, dan mengambil kira jarak sosial antara penutur dan pendengar. Karya sastera yang bermutu dianggap tidak meminggirkkan aspek masyarakat yang dimanifestasikan melalui kesopanan berbahasa dan kehalusan budi pekerti dalam pemilihan kata. Hal ini dianggap penting agar dapat memancarkan kesopanan dan kesantunan bahasa yang halus, enak didengar, beradab dan penuh penghormatan yang

menggambarkan sosiobudaya masyarakat Melayu. Justeru, artikel ini menganggap bahawa penyerapan teks sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan strategi yang dapat menghaluskan budi dan memanusiakan insan. Hal ini juga dianggap seiring dengan matlamat FPK yang menekankan pengembangan potensi individu secara seimbang dan harmonis. Justeru, kesopanan berbahasa dititikberatkan secara lisan dalam bentuk tulisan seperti karya sastera. Dengan permasalahan ini, artikel diusahakan dengan tujuan memperlihatkan aspek kesopanan secara menyeluruh berlandaskan model kesopanan, iaitu Model Leech dan Model Grice. Aspek kesopanan berbahasa yang signifikan dan dominan dikaji berdasarkan dialog yang dilafazkan oleh watak-watak yang terlibat, selain penggunaan aspek kesopanan berbahasa secara tersirat dan tersurat. Kedua-dua model ini mengemukakan “Maksim Kesopanan” yang bertujuan mewujudkan situasi bebas konflik. Artikel ini mengkaji novel teks KOMSAS *Melunas Rindu* (2009) karya Hartini Hamzah, kegunaan murid Tingkatan 4 mulai tahun 2010 hingga 2016. Berdasarkan pengklasifikasian dan analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati bahawa empat daripada enam Maksim Leech dan dua Maksim Grice yang dipatuhi oleh novel yang dikaji. Watak-watak dalam novel yang dikaji memperlihatkan kesopanan berbahasa dalam komunikasi yang berlangsung. Dengan kata lain, dialog yang dilafazkan oleh watak-watak dalam novel yang dikaji, didapati mematuhi empat maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech dan memperlihatkan kehadiran maksim kualiti dan maksim cara (susunan tertib) dalam Prinsip Kerjasama Grice. Selain itu, kajian ini mendapati novel memaparkan kesopanan bahasa yang dominan berdasarkan Maksim Leech dan Grice. Hal ini menggambarkan sosiobudaya Melayu yang mencerminkan kesopanan dan keberkesanan maklumat dalam berkomunikasi (Sara Beden dan Indirawati Zahid, 2015: 167). Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa artikel Sara Beden dan Indirawati Zahid ini merupakan satu kajian ilmiah yang memperlihatkan kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah.

Seterusnya pengamatan diteruskan terhadap artikel oleh Mohd. Faisal Said dan Ani Omar bertajuk “Pembinaan Modal Insan dalam novel *Kembara Amira* karya Amer Hmzah L.Kadir” (2013). Artikel ini membangkitkan permasalahan tentang pentingnya usaha ke arah melahirkan modal insan dalam kerangka dan dasar pendidikan negara mengikut acuan FPK. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, artikel ini menjadikan novel teks KOMSAS *Kembara Amira* karya Amer Hmzah L.Kadir (2010), kegunaan murid Tingkatan 5 mulai tahun 2011 hingga 2016. Artikel diusahakan dengan objektif untuk meneliti watak protagonis novel *Kembara Amira*, bernama Amira yang diperagakan sebagai ikon modal insan yang boleh dicontohi oleh murid. Selain itu, artikel juga bertujuan untuk melihat kemampuan novel dalam pembinaan modal insan. Kajian ini menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (seterusnya SPB4K) yang memberikan fokus terhadap pembentukan pemikiran kerohanian, kebitaran, kesaintifikan dan kekreatifan. Kajian ini mendapati bahawa novel *Kembara Amira* merangkumkan keempat-empat pemikiran SPB4K dalam usaha mengangkat keperibadian terpuji menerusi watak protagonisnya. Watak ini dianggap berkemampuan untuk dijadikan ikon modal insan yang boleh dicontohi oleh murid (Mohd. Faisal Said dan Ani Omar, 2013: 45). Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa artikel Mohd. Faisal Said dan Ani Omar ini merupakan satu kajian ilmiah yang berusaha mengangkat keperibadian watak Amira yang boleh diteladani.

Selanjutnya, pengamatan diteruskan terhadap artikel oleh Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah bertajuk “Turbiah dalam Novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)*” (2012). Artikel ini membangkitkan permasalahan tentang pemilihan novel teks KOMSAS yang dikatakan tidak memaparkan unsur moral yang baik. Sebuah teks yang baik dianggap harus dapat mentarbihakan insan seiring dengan matlamat FPK. Sehubungan itu, novel teks KOMSAS yang baik dianggap perlu menerapkan nilai keinsanan dan sesuai untuk mentarbihakan murid secara berterusan. Dengan permasalahan ini, artikel bertujuan merungkaikan unsur-unsur tarbiah dalam novel berdasarkan Teori Takmilah, dan seterusnya mengenal pasti serta menganalisis unsur-unsur tarbiah. Novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof merupakan novel teks KOMSAS bagi kegunaan murid Tingkatan 4 mulai 2010 hingga 2016. Kajian ini menggunakan Teori Takmilah untuk merungkaikan unsur-unsur tarbiah dalam teks KOMSAS yang dikaji, dengan memberikan fokus terhadap aspek tarbiah berdasarkan prinsip hubungan manusia dengan Allah SWT. Novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)* mempunyai kesesuaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan FPK. Kesesuaian ini antaranya didasarkan pada watak protagonisnya yang bertawakal serta akur terhadap ketentuan Tuhan. Kajian ini turut mendapati bahawa cerita yang dipaparkan mampu menyemai nilai-nilai yang dapat mentarbihakan insan (Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah, 2012: 136). Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa artikel oleh Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah ini merupakan satu kajian ilmiah yang menekankan aspek tarbiah.

Seterusnya, pengamatan diteruskan terhadap artikel oleh Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat bertajuk “Turbiah Alam dalam Novel KOMSAS” (2014). Artikel ini membangkitkan permasalahan tentang tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam dan tarbiah alam terhadap manusia. Usaha ini dianggap sebagai kelangsungan hubungan antara manusia dengan alam, yang dikatakan saling berhubungan. Interaksi dengan alam sekitar membolehkan manusia menikmati sumber ciptaan Allah SWT. Dengan permasalahan ini, kajian diusahakan dengan objektif untuk merungkaikan tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam dalam teks KOMSAS, bersandarkan Teori Takmilah dan Kritikan Eko. Selain itu, kajian ini mengenal pasti dan menganalisis sumbangan tarbiah alam kepada manusia dalam dua novel teks KOMSAS. Untuk itu, kajian ini meneliti novel-novel teks KOMSAS iaitu *Kembara Amira* (2010) karya Amer Hmzah L. Kadir dan *Lestari Bukit Menghijau* (2010) karya Syed Mahadzir Syed Ibrahim. Dalam meneliti kedua-dua novel, kajian ini menggunakan Teori Takmilah dan Kritikan Eko. Analisis mendapati novel-novel teks KOMSAS yang dikaji memanifestasikan nilai yang dapat mendidik manusia dalam mengurus alam sekitar secara bijak. Kedua-dua novel teks KOMSAS yang dikaji, menuntut manusia merealisasikan peranan terhadap alam untuk meningkatkan keinsanan dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Dengan kata lain, kajian ini mendapati bahawa novel-novel yang dikaji mengandungi nilai-nilai yang dapat menjadikan murid sebagai insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni, dan seterusnya menghargai kehidupan (Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat, 2014: 65). Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa artikel oleh Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat ini merupakan satu kajian ilmiah berusaha untuk menekankan aspek tarbiah khususnya bagi melahirkan insan yang kamil.

1.2.2 Kajian Ilmiah yang Mempertikaikan Kesesuaian Teks KOMSAS

Pengamatan seterusnya beralih kepada kajian-kajian ilmiah sedia ada yang dilihat cenderung mempertikaikan kesesuaian teks KOMSAS. Kecenderungan seumpama ini, antaranya terserlah dalam artikel oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (seterusnya Faziela dan Nik Rafidah) bertajuk “Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih” (2016). Artikel Faziela dan Nik Rafidah ini antara lain membangkitkan permasalahan tentang kritikan terhadap kualiti novel-novel teks KOMSAS yang dikaji. Hal ini merujuk kepada novel *Merenang Gelora* (2011) karya Ruslan Ngah, *6:20* (2011) karya Siti Jasmina Ibrahim dan *Azfa Hanani* (2010) karya Halis Azhan Mohd Hanafiah. Dengan permasalahan ini, artikel diusahakan bagi mengklasifikasikan, dan menganalisis jenis-jenis konflik yang dimanifestasikan dalam novel-novel yang dikaji. *Merenang Gelora* dan *6:20* merupakan novel-novel teks KOMSAS untuk murid Tingkatan 3, mulai tahun 2012 hingga 2016. Manakala, *Azfa Hanani* pula untuk murid Tingkatan 4, mulai tahun 2010 hingga 2016. Bagi menganalisis novel-novel di atas, kajian ini menggunakan Teori Humanistik oleh Abraham Maslow. Kajian ini mendapati bahawa novel-novel yang dikaji memaparkan konflik yang dilalui oleh watak-watak, antaranya konflik keluarga, konflik diri dan konflik dengan rakan sebaya. Dalam hal ini, konflik dengan rakan sebaya dilihat dominan dalam novel-novel teks KOMSAS yang dikaji. Konflik dalam novel *Merenang Gelora* dan *6:20* berlebar dalam soal pengedaran dadah dan penjualan telefon bimbit (Hafizah Iszahanid, 2012). Manakala, novel *Azfa Hanani* mengungkapkan konflik pembohongan yang tidak bermoral (Hafizah Iszahanid, 2011: 26). Dengan dapatan tersebut, kajian ini menganggap bahawa novel-novel yang dikaji kurang bermutu sehingga mencetuskan ketidakpuasan hati dalam kalangan pengkritik sastera. Manakala, novel *6:20* memperlihatkan penceritaan kegiatan aktiviti Barat. Tanpa menafikan sumbangan kajian ini, secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa artikel oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi ini merupakan satu kajian ilmiah yang berusaha meneliti isu personaliti remaja untuk menuju kepada kesempurnaan diri dan membentuk personaliti diri.

Seterusnya, pengamatan beralih terhadap sebuah artikel yang ditulis oleh Chew Fong Peng (seterusnya Fong Peng) berjudul “Membina Watak Malaysia Melalui KOMSAS” (2008). Artikel ini antara lain membangkitkan soal pentingnya peranan sastera dalam membentuk keperibadian bangsa dalam sesebuah negara. Dengan kepentingan itu, artikel ini meneliti tema serta persoalan dalam novel dan cerpen yang telah terpilih sebagai teks KOMSAS untuk Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, pada tahun 2000 hingga 2009. Kajian ini meneliti novel *Putera Gunung Tahan* (2000) karya Ishak Haji Muhammad, *Limpahan Darah di Sungai Semur* (1988) karya Zakaria Salleh, *Pahlawan Pasir Salak* (1982) karya Mohd. Ismail Sarbini dan *Bukit Kepong* (2001) karya Ismail Johari. Manakala, cerpen yang diteliti pula ialah *Tina* (2002) karya Aminhad, *Kasih Ayah* (2001) karya Omar Mamat dan *Virus Zel Untuk Abah* (2000) karya Mawar Shafei. Bagi menganalisis karya-karya sastera teks KOMSAS ini, kajian Fong Peng ini menerapkan Teori Bettelheim dan Jonawaritz yang meneliti tingkah laku, pemikiran dan pendapat terutamanya dalam kalangan remaja. Isu-isu sosial yang dibincangkan antaranya perasaan kasih sayang, muhibah, bertoleransi dan prasangka. Kedua-dua teori ini dipilih kerana kecenderungannya sebagai panduan untuk mendidik remaja tentang pengertian hidup dengan bertolak ansur dan berbudi pekerti

dalam melahirkan generasi muda yang berwatak Malaysia. Dengan menerapkan teori-teori tersebut, kajian ini mengenal pasti beberapa tema yang digarap dalam karya-karya sastera yang dikaji. Bagi genre novel, tema-tema yang dikenal pasti antaranya ialah sejarah, nasionalisme, pendidikan dan perpaduan. Manakala, bagi genre cerpen pula, tema-tema yang dikenal pasti ialah budi pekerti, kasih sayang sama ada semasa manusia atau dengan haiwan dan pendidikan. Dengan pengenalpastian ini, kajian ini merumuskan bahawa karya-karya sastera teks KOMSAS yang dikaji kurang menggarap tema-tema seperti perpaduan, keagamaan dan menjaga alam sekitar. Daripada tema-tema yang dikenal pasti, artikel ini berpendapat bahawa karya-karya sastera teks KOMSAS yang dikaji cenderung terhadap unsur-unsur hiburan. Artikel Fong Peng ini juga menganggap bahawa karya-karya sastera teks KOMSAS tidak dimanfaatkan sepenuhnya bagi menanam nilai-nilai murni seperti kasih sayang, keagamaan, kemanusiaan serta tanggungjawab dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai etika dan moral yang tinggi. Nilai-nilai ini dianggap penting dalam usaha negara untuk melahirkan generasi muda yang berakhhlak mulia (Chew Fong Peng, 2008: 36-42). Dengan dapatan serta kesimpulan ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kajian Fong Peng menganggap karya-karya sastera yang dipilih sebagai teks KOMSAS dapat menerapkan Teori Bettelheim dan Jonawaritz dalam sukanan pelajaran dan pemilihan karya-karya sastera teks KOMSAS.

Pengamatan ini diteruskan lagi dengan mengamati sebuah rencana yang ditulis oleh Hafizah Iszahanid (seterusnya Hafizah) bertajuk “Kemelut Teks Sastera KOMSAS” (2011). Rencana ini antara lain membangkitkan permasalahan tentang nilai-nilai yang diperagakan dalam novel *Azfa Hanani* (2010) karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah yang diperkatakan oleh Fatimah Busu (seterusnya Fatimah). Dalam rencana ini, Fatimah menganggap novel *Azfa Hanani* tidak sesuai dijadikan teks KOMSAS. Tanggapan ini antaranya disandarkan pada cerita tentang tindakan watak remaja yang berbohong kerana menyamar sebagai Tengku Murni dan menerima ganjaran sejumlah RM 500 sebulan. Novel ini juga dianggap memaparkan unsur moral yang tidak baik dalam usaha membantu pembentukan insan, seperti membakar sebuah kedai burger. Kedua-dua peristiwa yang dipaparkan dalam novel tersebut dianggap sebagai tidak bermoral, kerana boleh mempengaruhi khalayak pembaca muda. Menurut Hafizah, Fatimah berpendapat bahawa paparan cerita yang sedemikian itu jelas memperagakan nilai yang tidak bermoral, serta tidak membantu ke arah usaha membentuk insan yang mulia. Sebagai karya yang dijadikan bahan pendidikan, Fatimah berpendapat bahawa adalah penting bagi karya-karya sastera teks KOMSAS menampilkan nilai-nilai yang positif. Dalam hal ini, Fatimah menyeru panel pemilihan teks KOMSAS supaya lebih peka serta prihatin terhadap nilai-nilai yang diperagakan dalam karya sastera, sebagaimana yang disimpulkan oleh Fatimah dalam petikan tulisan Hafizah Iszahanid berikut:

Panel Penilai yang memilih buku sastera dalam komponen kesusasteraan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) dan subjek sastera turut digesa supaya lebih peka dan mengutamakan nilai-nilai pembentukan insan dalam pemilihan teks” (Hafizah Iszahanid, 2011: 26).

Lebih menarik lagi ialah apabila pada tahun 2016, timbul kontroversi terhadap sebuah novel bertajuk *Pantai Kasih* (2014) karya Azmah Nordin, yang dipilih sebagai teks KOMSAS untuk murid Tingkatan 4, bagi kegunaan tahun 2015. Kontroversi ini timbul akibat kemarahan ibu bapa dan orang ramai yang mendakwa bahawa novel tersebut memaparkan nilai-nilai yang negatif. Kontroversi bermula apabila seorang guru, Faiez Ali memuat naik status dalam media sosial iaitu *Facebook* miliknya pada 11 Januari 2016 (*Malaysiakini*, 19 Januari 2016). Status ini antara lain mempertikaikan pemilihan novel *Pantai Kasih* yang dianggapnya memperagakan unsur-unsur lucah. Status ini kemudian mendapat reaksi yang meluas. Antaranya ialah Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Profesor Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan. Beliau antara lain meminta agar KPM membentuk sebuah jawatankuasa khas bebas bagi meneliti isu ini. Beliau turut menyarankan supaya jawatankuasa khas ini dianggotai oleh pakar psikologi remaja, pakar agama dan wakil ibu bapa. Saranan ini bertitik tolak daripada kekhawatiran beliau terhadap kesan negatif terhadap remaja akibat penggunaan teks ini (*Harian Metro*, 14 Januari 2016).

Selain itu ialah reaksi daripada pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pertubuhan IKRAM Malaysia, iaitu Prof. Dr. Omar Yaakob yang menggesa supaya novel *Pantai Kasih* ditarik balik daripada digunakan sebagai teks KOMSAS. Beliau turut mendesak supaya pemilihan teks perlu menekankan kriteria pembangunan nilai, jati diri, akhlak dan adab. Menurutnya, novel tersebut mempunyai unsur tidak sihat (*Berita Harian Online*, 18 Januari 2016). Turut memberi reaksi ialah Halim Ishak, pengurus Yayasan Keprihatinan Komuniti Malaysia (MCCF) yang berpendapat bahawa unsur lucah dalam novel boleh merosakkan minda pelajar. Justeru, beliau menegaskan bahawa novel teks sastera tidak seharusnya mempunyai unsur negatif. Halim Ishak turut menjelaskan bahawa ibu bapa terkejut serta tidak berpuas hati setelah membaca antara kandungan dalam novel *Pantai Kasih* (*Sinar Online*, 21 Januari 2016).

Selain itu, seorang pengguna laman sosial *Facebook* yang menamakan dirinya sebagai Zulhelmi Sidek dalam statusnya bertarikh 21 Januari 2016, menzahirkan rasa kecewa terhadap masa depan minda anak bangsa berikutan pemilihan novel *Pantai Kasih*. Beliau berharap supaya KPM bersikap lebih berhati-hati dalam pemilihan novel teks KOMSAS. Status Zulhelmi Sidek ini menarik perhatian Shahrul Nizal Mohd. Nor, Editor Kanan Bahagian Buku Umum Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam komennya, Shahrul Nizal Mohd. Nor meminta supaya panel bersikap lebih teliti serta kritis dalam pemilihan novel teks KOMSAS. Panel digesa supaya memilih karya yang terbaik yang dapat memberi kebaikan kepada masyarakat (*Berita Harian Online*, 21 Januari 2016). Selain itu, isu novel *Pantai Kasih* ini turut mengundang reaksi daripada Syahbudien Abdullah. Dalam kenyataannya yang terbit dalam akhbar *Berita Harian Online*, Syahbudien Abdullah menyuarakan pendapat tentang tanggungjawab penulis untuk menyampaikan buah fikiran secara berhemah, tanpa menggunakan gaya bahasa yang negatif dan lucah (*Berita Harian Online*, 21 Januari 2016).

Selain itu, terbit sebuah rencana bertajuk “SPRM Perlu Siasat *Pantai Kasih*” (*Malaysiakini*, 31 Januari 2016). Menerusi rencana ini, Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Syed Mohd Zakir Syed Othman

menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan menyeluruh kerana naskhah berkenaan pada asalnya tidak tersenarai untuk dipertimbangkan oleh panel penilai. Selain itu, terbit sebuah rencana lain bertajuk “Kemelut Teks KOMSAS Jangan Berulang” (*Berita Harian Online*, 24 Januari 2016). Rencana ini antara lain mengutip pendapat Naffi Mat tentang hasrat pelaksanaan KOMSAS untuk memartabatkan sastera tanah air. Hasrat ini dianggap sukar tercapai jika karya terpilih tidak mencerminkan ketinggian nilai. Justeru, pihak KPM digesa supaya serius dalam pemilihan panel dan kecenderungan untuk memilih karya yang bermutu. Rencana ini turut mempertikaikan pemilihan novel sebagai teks KOMSAS. Hal ini kerana masih terdapat banyak karya bermutu yang boleh dipilih. Adalah jelas bahawa rencana ini membangkitkan soal pentingnya teks KOMSAS memperagakan nilai-nilai positif, yang dapat dimanfaatkan dalam usaha membentuk keperibadian insan. Gesaan ini ditimbulkan ekoran kontroversi novel *Pantai Kasih*, yang dianggap oleh Naffi Mat mengandungi elemen-elemen negatif yang tidak bersesuaian dengan pembangunan sahsiah diri remaja. Rencana ini turut mengulas tentang pandangan Muhammad Lutfi Ishak, Ahli Jawatankuasa Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA). Menurut rencana ini, Muhammad Lutfi Ishak berpendapat bahawa pemilihan karya KOMSAS perlu mengambil kira penulis dan penilai. Dari aspek karya pula, teks itu sendiri perlu mewakili sastera kebangsaan dan dipermudahkan untuk edisi murid.

Seterusnya, adalah menarik untuk dinyatakan juga bahawa kontroversi *Pantai Kasih* ini turut mengundang reaksi daripada Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu, P. Kamalanathan. Beliau meminta supaya sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan tentang unsur lucah dalam novel tersebut (*Harian Metro*, 14 Januari 2016). Arahan P. Kamalanathan ini membawa kepada Mesyuarat Profesional KPM bagi membincangkan tentang isu berkenaan. Mesyuarat ini kemudiannya memutuskan supaya novel *Pantai Kasih* terus digunakan sebagai teks KOMSAS. Berikutan keputusan ini, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Dasar), Datuk Seri Khairil Awang dilaporkan berkata, keputusan ini diambil setelah pihaknya mengadakan beberapa siri perjumpaan dan perbincangan bersama-sama panel penilai serta para penggiat bahasa yang turut dilibatkan dalam Mesyuarat Profesional Pendidikan pada 28 Januari 2016. Hasil mesyuarat berpendapat bahawa *Pantai Kasih* mempunyai elemen keindahan bahasa, kosa kata dan tata bahasa yang mampu merangsang murid untuk berfikir secara matang dan rasional dalam membuat justifikasi. Justeru, tiada sebab novel *Pantai Kasih* perlu ditarik balik, apatah lagi pemilihannya telah melalui proses penyaringan serta pemilihan yang ketat menerusi satu jawatankuasa dianggotai pelbagai kaum, pakar-pakar bidang tertentu termasuk agama dan psikologi serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (*Berita Harian Online*, 12 Februari 2016). Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk memperlihatkan adanya kontroversi dalam soal pemilihan teks KOMSAS.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengamatan awal terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada di atas berhasil dalam mengenal pasti beberapa perkara penting yang dapat diajukan sebagai permasalahan kajian. Pertama, pengenalan serta pelaksanaan KOMSAS yang sehingga kini telah mengundang sejumlah kajian serta penulisan ilmiah. Hakikat ini bererti, KOMSAS

sebagai satu komponen (kesusasteraan) dalam pengajaran Bahasa Melayu telah mendapat perhatian yang serius dalam kalangan sarjana dan pengkaji. Dalam konteks ini juga, pengamatan awal mengenal pasti tumpuan kajian-kajian ilmiah sedia ada, yang antaranya tertumpu soal kesesuaian karya-karya sastera yang dipilih sebagai teks KOMSAS. Seperkara yang tidak kurang menarik ialah penerapan sejumlah teori, pendekatan, model dan seumpamanya dalam pengkajian karya-karya teks KOMSAS. Antara teori, pendekatan dan model yang telah diterapkan dalam kajian-kajian ilmiah yang disoroti ialah Pendekatan Psikologi, Pendekatan Etika, Pendekatan Formalisme, Pendekatan Psikoanalisis, Teori Sentimen Moral, Takmilah, Teori Pendidikan Estetik, Model Kesopanan Leech, Model Kesopanan Grice, Teori Humanistik, dan Teori Bruno Bettelheim dan Jonawaritz.

Kedua, dan merujuk kepada pengkajian teks-teks KOMSAS itu, pengamatan ini turut mengenal pasti kecenderungan dapatan-dapatan ilmiah dalam memperakukan kesesuaian teks-teks KOMSAS yang telah dipilih. Kecenderungan ini antaranya ketara dalam dapatan kajian-kajian ilmiah oleh Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2005), Maridah Alias (2005), Noraslan Norasim (2010), Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015), Mohd. Faisal Said dan Ani Omar (2013), Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah (2012), dan Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat (2014). Dapatan kajian-kajian ini antaranya memperkuuhkan soal adanya mesej atau nilai-nilai seperti baik hati, hemah tinggi, keberanian, patriotisme, budi pekerti dan kecekalan hati. Pemikiran atau mesej ini pula mencakupi aspek-aspek seperti nasionalisme, perpaduan, saintifik, kreativiti, kesopanan, kerohanian, kebenaran, keindahan seni, menghargai kehidupan dan kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan. Selain itu, turut dikenal pasti ialah aspek kemahiran berbahasa seperti kesantunan berbahasa, yang dianggap terkandung dalam teks-teks KOMSAS, sebagaimana yang diperakukan oleh kajian Sara Beden dan Indirawati Zahid. Lebih penting lagi ialah nilai-nilai murni yang didapati terkandung dalam teks-teks KOMSAS yang dikaji, dianggap seajar dengan FPK yang menekankan matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dapatan ini antaranya jelas terkandung dalam kesimpulan oleh kajian-kajian Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2005), Maridah Alias (2005), Noraslan Norasim (2010), Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015), Mohd. Faisal Said dan Ani Omar (2013), dan Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah (2012). Adalah jelas bahawa kajian-kajian ilmiah ini rata-rata memperakukan satu perkara, iaitu sesuainya karya-karya sastera yang dikaji itu dijadikan sebagai teks KOMSAS.

Seterusnya ialah kecenderungan dapatan-dapatan ilmiah dalam mempertikaikan kesesuaian teks-teks KOMSAS. Kecenderungan ini antaranya ketara dalam dapatan kajian-kajian ilmiah oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016), Chew Fong Peng (2008), Fatimah Busu dan Naffi Mat. Dapatan serta kesimpulan kajian-kajian ini antaranya menghujahkan soal kurangnya tema-tema yang bermanfaat dalam membina akhlak serta keperibadian yang mulia, sebagaimana yang disimpulkan oleh Chew Fong Peng. Lebih kritikal ialah adanya teks-teks KOMSAS yang didapati mempamerkan nilai-nilai negatif seperti berbohong, melakukan jenayah, dan unsur seks dan lucuah, yang kesemuanya dianggap bertentangan dengan FPK untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

Sebagaimana yang dibangkitkan dalam penulisan artikel, Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) , Chew Fong Peng (2008), Fatimah Busu dan Naffi Mat. Adalah jelas bahawa kajian-kajian ilmiah ini rata-rata memperakukan satu perkara, iaitu tidak sesuainya karya-karya sastera yang dikaji itu dijadikan sebagai teks KOMSAS.

Ketiga, dan sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, pengamatan awal turut mengenal pasti penerapan sejumlah teori, pendekatan, model dan seumpamanya, dalam pengkajian teks KOMSAS oleh kajian-kajian ilmiah sedia ada. Antaranya yang diterapkan ialah Pendekatan Psikologi, Pendekatan Etika, Pendekatan Formalisme, Pendekatan Psikoanalisis, Teori Sentimen Moral, Teori Takmilah, Teori Pendidikan Estetik, Model Kesopanan Leech, Model Kesopanan Grice, Teori Humanistik dan Teori Bruno Bettelheim dan Jonawaritz. Satu perkara yang turut terserlah ialah kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada dalam menerapkan teori, pendekatan atau model yang dicetuskan oleh sarjana-sarjana di Barat. Teori, pendekatan serta model tersebut terhasil dalam konteks yang lebih dekat dengan nilai-nilai termasuk agama, adat resam serta budaya masyarakat di Barat. Nilai-nilai Barat ini pula ada yang berbeza dengan nilai-nilai masyarakat di Malaysia. Justeru, adalah sesuatu yang ironik apabila pengkajian terhadap teks-teks KOMSAS terutamanya perbahasan tentang nilai-nilai yang terkandung dalam karya-karya sastera yang dipilih itu, menerapkan teori, pendekatan serta model yang dicetuskan di Barat. Dalam konteks ini, kajian ini menghujahkan bahawa perlunya diusahakan sebuah kajian ilmiah yang serius terutamanya pada tahap doktoral, yang meneliti secara komprehensif teks-teks KOMSAS dengan menggunakan pakai teori, pendekatan atau model yang dicetuskan di Malaysia.

Keempat, tidak dinafikan bahawa telah ada beberapa kajian dalam skala sederhana iaitu pada tahap artikel, yang telah mengambil inisiatif untuk menerapkan teori serta model tempatan dalam pengkajian teks-teks KOMSAS, sebagaimana yang telah dilakukan dalam artikel oleh Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah, artikel oleh Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat, dan artikel oleh Mohd. Faisal Said dan Ani Omar. Artikel oleh Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah dan artikel oleh Maharam Mamat dan Maisarah Yaacob, kedua-duanya menerapkan Takmilah, iaitu sebuah teori sastera yang dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar yang merupakan seorang sarjana sastera Melayu yang terkenal. Sebagai sebuah teori sastera, Takmilah antaranya memberi penekanan terhadap soal kesempurnaan dalam penghasilan serta penghayatan karya sastera. Penerapan teori serta model tempatan juga dilakukan dalam artikel oleh Mohd. Faisal Said dan Ani Omar yang menerapkan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K), iaitu sebuah model sastera yang dibina oleh Mohd. Yusof Hassan, juga merupakan seorang sarjana sastera Melayu. Sebagai sebuah model sastera, SPB4K menggabung dan menyepadukan empat sistem iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan dalam karya sastera bagi melahirkan modal insan. Satu perkara yang jelas ialah teori serta model tempatan yang telah diguna pakai dalam kajian-kajian sedia ada ini lebih merupakan teori/model tempatan yang diusahakan oleh sarjana-sarjana dalam bidang kesasteraan, dengan keprihatinan serta penekanan yang jelas terhadap aspek-aspek berkaitan kesasteraan (*literariness*). Hal ini dengan sendirinya mengundang satu kajian ilmiah yang

menerapkan sebuah teori atau model tempatan yang diasaskan pada gagasan atau agenda yang bersifat nasional, dengan penekanan terhadap nilai-nilai yang diperakuan pada peringkat nasional juga.

Kelima, dan merujuk kepada keperluan yang dibangkitkan di atas, kajian ini berpendapat bahawa gagasan Modal Insan berpotensi untuk dimanfaatkan sebagai kerangka analisis bagi kajian ini. Gagasan Modal Insan mula menjadi agenda nasional ketika negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia ke-5, iaitu Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (seterusnya Abdullah) (*Utusan Online*, 21 Februari 2005). Gagasan Modal Insan kemudiannya menjadi antara agenda penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada tahun 2006-2010 (*Koleksi Ucapan Abdullah Ahmad Badawi 2005: Siri Ucapan Penting*, 2006: 39; Mustafa Dakian, 2009: 91) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pada tahun 2011-2015 (*Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*, 2010: 17). Gagasan ini turut menjadi perhatian Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, mantan Perdana Menteri Malaysia, yang berpendapat bahawa usaha dan kemudahan perlu diwujudkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti. Pembangunan modal insan dan ekonomi sebagai teras kepada pertumbuhan produktiviti dan inovasi ke arah negara berpendapatan tinggi (Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, 18 Februari 2012). Pembangunan Modal Insan turut terangkum dalam agenda pendidikan nasional untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama yang mampu menggunakan pengetahuan secara proaktif, kreatif dan inovatif (*Koleksi Ucapan Abdullah Ahmad Badawi 2006: Siri Ucapan Penting*, 2007: 87). Seterusnya, menerusi program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang ditubuhkan pada 19 Januari 2017, sebagai satu usaha membangun dan membentuk masa depan negara. Seterusnya, menerusi buku *Kanvas Belia TN50: Aspirasi Belia untuk Malaysia Menjelang Tahun 2050* (2018: 4-11), bahawa TN50 adalah satu sistem yang didorong oleh nilai-nilai yang memenuhi keperluan sosial masyarakat. Manakala, Transformasi Sekolah 2025 yang diperkenalkan pada tahun 2015 merupakan satu usaha ke arah melahirkan modal insan yang unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, kepimpinan yang berkualiti/berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu (Abdul Ghoni Ahmad, 2017). Dengan kata lain, gagasan Modal Insan telah sedia menjadi satu agenda pembangunan nasional termasuk bidang pendidikan, dan lebih penting lagi masih relevan sehingga kini dalam agenda pembangunan nasional. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, terdapat keperluan untuk mengusahakan sebuah kajian ilmiah yang menerapkan model tempatan yang diasaskan pada gagasan atau agenda yang bersifat nasional. Justeru, tersedianya gagasan Modal Insan sebagai satu gagasan yang menjadi agenda pembangunan nasional hari ini termasuk bidang pendidikan, dengan sendirinya mendorong kajian ini untuk menerapkannya (gagasan Modal Insan) sebagai kerangka bagi menganalisis teks-teks kajian.

Sehubungan dengan pemilihan gagasan Modal Insan sebagai kerangka analisis, penting untuk kajian ini menjelaskan beberapa perkara yang relevan terutamanya dalam konteks nilai-nilai yang telah sedia diguna pakai dalam pendidikan di Malaysia. Hal ini merujuk kepada Nilai-nilai Murni yang menjadi penekanan dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (seterusnya KSSM) dan digariskan dalam FPK sejak tahun 1988 (*Nilai Murni Merentas Kurikulum*, 1987: 8). Pada dasarnya, Nilai-nilai Murni berusaha untuk membentuk insan yang seimbang dan menyeluruh

dari segi jasmani, efektif, rohani dan intelek. Nilai-nilai Murni ini diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran. Nilai-nilai Murni ini merangkumi nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai kebebasan, nilai keberanian, nilai kebersihan fizikal dan mental, nilai kejujuran, nilai kerajinan, nilai kerjasama, nilai kesederhanaan, nilai kesyukuran, nilai rasional dan nilai semangat bermasyarakat (Awang Sariyan, 2012: 6; Abd Rahim Abd Rashid, 2001:80-81; *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, 1992: 10). Penting untuk dijelaskan bahawa sebagai satu dasar yang telah dilaksanakan dalam pendidikan di Malaysia selama 30 tahun, sehingga kini telah terdapat sejumlah kajian ilmiah yang mengkaji tentang Nilai-nilai Murni. Apa yang menarik ialah dapatan-dapatan kajian yang dilakukan dalam jangka masa tiga tahun kebelakangan ini yang rata-rata menyerlahkan kelemahan terutamanya dalam soal penghayatan Nilai-nilai Murni yang digariskan itu.

Dapatan yang sedemikian terserlah antaranya dalam dua kajian yang diusahakan oleh Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid dan Samsilah Roslan (2015) dan Abdul Aziz Rahman et al. (2016). Merujuk kepada Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid dan Samsilah Roslan (2015), kajian yang diusahakan mereka itu bertajuk “Penghayatan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini” (2015). Kajian ini diasaskan dari permasalahan sosial remaja yang dikatakan semakin meningkat dan amat membimbangkan. Keadaan ini dianggap menimbulkan persoalan sejauh manakah penghayatan nilai murni dalam kehidupan remaja dapat diperaktikkan. Bagi menjawab kepada permasalahan sosial remaja, kajian ini mengemukakan dua objektif, pertama mengenal pasti penghayatan 17 nilai murni pelajar sekolah menengah kebangsaan, dan kedua menjelaskan gambaran yang mendalam tentang penghayatan 17 nilai murni pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Instrumen soal selidik “penghayatan nilai murni” digunakan, iaitu satu set soal selidik yang menyenaraikan sikap, pegangan, kebiasaan dan amalan nilai murni murid sekolah menengah berasaskan aspek 17 nilai murni yang ditetapkan oleh PPK. Data kajian dikutip melalui soal selidik yang melibatkan sejumlah 448 pelajar sekolah menengah harian terpilih di Semenanjung Malaysia. Kajian turut disokong dengan data temu bual separa struktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 17 nilai murni yang dikaji, terdapat tiga nilai yang menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi. Manakala, 14 nilai yang lain menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi. Tiga nilai murni yang menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi iaitu nilai kesyukuran, patriotisme dan hormat menghormati. Nilai kesyukuran menunjukkan penghayatan tertinggi dalam kalangan pelajar. Dapatan melalui temu bual turut menggambarkan bahawa responden menunjukkan penghayatan nilai kesyukuran dengan bersyukur atas segala nikmat yang diberikan oleh Tuhan. Seterusnya, terdapat 14 nilai murni yang menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi iaitu nilai baik hati, hemah tinggi, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerjasama, kesederhanaan dan rasional. Manakala, nilai-nilai yang agak rendah bagi kategori tahap sederhana tinggi ialah nilai berdikari, nilai semangat bermasyarakat dan nilai kerajinan. Penghayatan terhadap nilai-nilai yang rendah seperti berdikari, nilai semangat bermasyarakat dan nilai kerajinan, dianggap perlu diberikan perhatian oleh semua pihak sama ada murid, ibu bapa dan guru. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa secara keseluruhannya penghayatan nilai murni pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Lanjutan itu, beberapa implikasi

kajian turut dibincangkan dalam kertas kerja ini. Antaranya, memikirkan usaha-usaha ke arah meningkatkan penghayatan nilai murni secara berterusan, bertindak segera terhadap penghayatan nilai dan memberi perhatian yang serius terhadap nilai-nilai yang agak rendah penghayatannya seperti nilai berdikari, semangat bermasyarakat dan nilai kerajinan. Ini penting supaya gejala sosial dalam kalangan remaja dapat dibendung, sebagaimana yang dijelaskan menerusi petikan berikut:

Ini kerana penghayatan akhlak dan nilai murni menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang (Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid dan Samsilah Roslan, 2015: 14).

Dengan dapatan serta kesimpulan ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kajian Mohamad Khairi, Asamawati dan Samsilah rata-rata membangkitkan tentang kelemahan penerapan Nilai-nilai Murni.

Seterusnya, merujuk kepada kajian Abdul Aziz Rahman et al, (2016) yang bertajuk “Penglibatan Sosial dan Pembudayaan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Tidak Formal dalam Kalangan Penduduk Bandar Putrajaya” (2016). Kajian ini antara lain membangkitkan permasalahan tentang kejayaan sesebuah negara, kini tidak lagi diukur mengikut dimensi ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi turut melihat akan pembangunan modal insan yang berkualiti. Kajian ini mengemukakan tiga tujuan untuk menentukan tahap penglibatan social. Pertama, pembudayaan nilai murni melalui pembelajaran tidak formal dan amalan nilai murni dalam kalangan penduduk Putrajaya. Kedua, mengenal pasti perbezaan penglibatan sosial, pembudayaan nilai murni melalui pembelajaran tidak formal dan amalan nilai murni berdasarkan jantina dan taraf pendidikan. Ketiga, mengenal pasti hubungan antara penglibatan aktiviti sosial dan pembudayaan nilai murni dengan pembelajaran tidak formal dengan amalan nilai murni. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 414 orang penduduk di Putrajaya. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik berdasarkan Teori Pembelajaran Tidak Formal Orang Dewasa dan soal selidik yang berkaitan dengan nilai komuniti bandar. Soal selidik menggunakan Teori Pembelajaran Tidak Formal Orang Dewasa oleh Meriam, Baumgarther dan Caffarella. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan sosial penduduk Putrajaya berada pada tahap yang rendah. Manakala, pembudayaan nilai murni melalui pembelajaran tidak formal dan amalan nilai murni pula berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penduduk yang mempunyai taraf pendidikan Ijazah/Sarjana/PhD mempunyai amalan nilai-nilai murni yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk yang mempunyai taraf pendidikan SPM/ STPM/Sijil/setaraf. Hal ini menunjukkan perlunya penduduk yang bertaraf pendidikan rendah melibatkan diri bersama-sama dengan penduduk yang mempunyai pendidikan tinggi, sebagaimana yang diperjelaskan dalam petikan berikut:

Bagi meningkatkan penglibatan golongan yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah, aktiviti yang diadakan di kawasan penempatan penduduk Putrajaya harus bersifat menyeluruh tanpa

mengira status pendidikan dan ekonomi penduduk dalam pembangunan nilai murni komuniti bandar (Abdul Aziz Rahman et al., 2016: 96).

Adalah jelas bahawa kajian Abdul Aziz Rahman et al., membangkitkan permasalahan tentang penghayatan nilai-nilai murni yang masih belum berkesan secara menyeluruh. Dapatkan ini dengan sendirinya menyerlahkan soal kelemahan terutamanya dalam soal penghayatan Nilai-nilai Murni yang selama 30 tahun telah diterapkan dalam pendidikan di Malaysia. Sesungguhnya, dapatan-dapatan dalam kedua-dua kajian ilmiah terkini yang diusahakan di atas menjelaskan satu perkara penting yang relevan dengan fokus kajian ini. Hal ini merujuk kepada kelemahan penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang disemai dalam pendidikan formal di Malaysia. Kelemahan penghayatan terhadap nilai-nilai murni ini sebagaimana yang dibuktikan oleh kajian-kajian terkini yang diamati di atas, dengan sendirinya mengundang kemungkinan untuk diajukan sebuah kerangka alternatif bagi mengantikan penerapan Nilai-nilai Murni yang diperakukan mempunyai kelemahan terutamanya dari segi penerapan. Dalam konteks inilah, kajian ini berpendapat bahawa gagasan Modal Insan berpotensi untuk dimanfaatkan sebagai kerangka analisis bagi kajian ini, dan seterusnya dapat diajukan sebagai alternatif bagi mengantikan penerapan Nilai-nilai Murni dalam pendidikan di Malaysia.

Keenam, dan sebagaimana yang telah dinyatakan, ketiga-tiga artikel yang menerapkan teori dan model tempatan itu merupakan kajian-kajian ilmiah yang diusahakan pada skala sederhana. Sesuai dengan skalanya itu, artikel-artikel tersebut hanya berupaya meneliti teks KOMSAS dalam jumlahnya yang kecil. Umpamanya, artikel oleh Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah (2012) dan artikel oleh Mohd. Faisal Said dan Ani Omar (2013), hanya meneliti sebuah novel teks KOMSAS. Manakala, artikel oleh Maharam Mamat dan Maisarah Yaacob (2014) pula meneliti dua buah novel yang menjadi teks KOMSAS. Merujuk kepada ketiga-tiga artikel tersebut, dapat dikatakan bahawa sehingga kini hanya tiga buah teks KOMSAS sahaja yang telah dikaji berdasarkan teori serta model tempatan. Antaranya, novel *PAPA...(akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof, novel *Kembara Amira* karya Amer Hmzah L. Kadir dan novel *Lestari Bukit Menghijau* karya Syed Mahadzir Syed Ibrahim. Adalah jelas daripada fakta di atas bahawa kajian-kajian ilmiah yang menerapkan teori serta model tempatan sehingga kini, hanya meneliti sejumlah kecil (iaitu tiga buah novel) teks KOMSAS. Hal ini dengan sendirinya mengundang sebuah kajian ilmiah yang meneliti novel-novel teks KOMSAS dalam jumlah atau bilangannya yang lebih besar serta komprehensif, iaitu berjumlah 19 buah novel teks KOMSAS bagi kegunaan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 mulai tahun 2010 hingga 2016. Dapat dikatakan bahawa cakupan ini lebih sesuai diusahakan dalam sebuah tesis kedoktoran, sebagaimana yang diusahakan dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya dan tanpa menafikan sumbangan ilmiah yang telah diberikan oleh kajian-kajian sedia ada yang diamati di atas, pengamatan ini berhasil mengenal pasti beberapa ruang atau lompong ilmiah (*academics gaps*) yang berpotensi untuk diajukan sebagai satu permasalahan kajian. Pertama, perlunya sebuah kajian ilmiah yang meneliti secara komprehensif novel-novel teks KOMSAS, dengan menerapkan

sebuah model tempatan. Kedua, dan berkaitan dengan model tempatan itu, perlunya diterapkan model tempatan yang bertunjangkan nilai-nilai yang diperakukan pada peringkat nasional. Ketiga, perlunya sebuah kajian ilmiah yang meneliti novel-novel teks KOMSAS dalam jumlah atau bilangannya yang lebih komprehensif. Kajian ini berusaha untuk mengisi keperluan-keperluan ilmiah (*academics gaps*) yang dinyatakan di atas. Untuk itu, kajian ini mengkaji 19 buah novel teks KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang digunakan di empat buah zon, mulai tahun 2010 hingga 2016, bagi kegunaan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Kajian ini dilakukan dengan mengorganisasikan nilai-nilai yang menunjangi gagasan Modal Insan dalam sebuah kerangka analisis yang sistematik yang bersifat tempatan serta diangkat menjadi agenda nasional Malaysia. Novel-novel teks KOMSAS dianalisis menurut kerangka Modal Insan.

1.4 Objektif Kajian

Dalam usaha untuk merungkaikan permasalahan di atas, kajian ini distrukturkan bagi mencapai objektif-objektif berikut, iaitu:

- i. mengorganisasikan nilai-nilai yang menunjangi gagasan Modal Insan dalam sebuah kerangka analisis yang sistematik,
- ii. menganalisis novel-novel teks KOMSAS menurut kerangka Modal Insan, dan
- iii. merumuskan kesesuaian nilai-nilai yang terkandung dalam novel-novel teks KOMSAS menurut kerangka Modal Insan.

1.5 Pendekatan Kajian dan Kerangka Analisis

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks (*textual analysis*) iaitu sebuah pendekatan yang menjadikan teks sebagai bahan kajian. Penggunaan pendekatan (analisis teks) ini menuntut satu kerangka analisis yang akan diterapkan dalam menganalisis novel-novel teks kajian. Dalam konteks ini, kajian ini akan menerapkan kerangka Modal Insan yang digagaskan oleh Abdullah Ahmad Badawi. Pemilihan gagasan Modal Insan ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan yang diasaskan pada permasalahan kajian yang dihujahkan di atas. Hal ini merujuk kepada perlunya sebuah kajian ilmiah yang meneliti secara komprehensif novel-novel teks KOMSAS dengan menggunakan sebuah model tempatan yang telah sedia menjadi agenda nasional. Dalam konteks ini, kajian ini mendapati bahawa modal insan telah tersedia sebagai satu agenda nasional, termasuk bidang pendidikan. Sebagaimana yang telah dinyatakan, gagasan Modal Insan mula tercetus ketika pentadbiran Abdullah, Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 (2003-2009). Dalam ucapannya pada 20 Februari 2005, Abdullah menyebut bahawa, “Untuk kebanyakan negara sekarang pembentukan modal manusia adalah amat penting, amat perlu...” (*Utusan Online*, 21 Februari 2005). Sejak dicetuskan, modal insan kemudiannya menjadi antara agenda penting pada peringkat nasional sehingga menjadi penekanan dalam RMK-9 dan diteruskan dalam RMK-10 (*Utusan Online*, 9 Julai 2010). Dengan kata lain, pembangunan modal insan menjadi salah satu agenda nasional. Sebagai satu agenda nasional, pembangunan

modal insan bertujuan untuk melahirkan insan yang mampu melaksanakan tanggungjawab untuk membangunkan masyarakat dan bangsa.

Adalah dijelaskan juga bahawa sehingga kini, gagasan Modal Insan masih menjadi agenda nasional yang relevan. Hal ini antaranya dimanifestasikan pada kenyataan mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, yang antara lain berpendapat bahawa di peringkat global, persaingan modal insan pada masa kini menjadi begitu penting serta kompetitif. Justeru, menurut beliau, usaha yang komprehensif serta kemudahan yang kondusif perlu diwujudkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

... antara cabaran utama adalah untuk menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif dan membentuk gagasan modal insan berkualiti tinggi, bagi membolehkan anjakan ke tahap nilai ditambah dan produktiviti yang mantap (*Utusan Online*, 11 Jun 2010).

Seiring dengan aspirasi ini, kenyataan Tan Sri Dato' Muhyiddin Hj Mohd Yassin, mantan Menteri Pendidikan Malaysia, ketika merasmikan Majlis Perutusan Tahun Baharu KPM pada 16 Januari 2015, antara lain menegaskan tentang pentingnya sistem pendidikan nasional untuk melahirkan modal insan yang mampu menggunakan pengetahuan secara proaktif, kreatif dan inovatif, bagi memacu Malaysia sebagai negara maju, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

...untuk memenuhi tuntutan ini, kementerian mesti merangkumkan semua aspek penjelmaan modal insan yang mampu memacu Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (*Utusan Online*, 17 Januari 2015).


Tidak kurang penting ialah kenyataan Datuk Wira Haji Md. Yunos Husin, mantan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, ketika merasmikan program Jelajah Pendidikan Bumiputera pada 29 April 2016. Beliau antara lain menjelaskan bahawa pembangunan modal insan penting bagi membolehkan negara untuk mencapai kemajuan berasaskan acuan sendiri serta tidak semata-mata meniru acuan negara lain terutamanya Barat. Malaysia perlu melahirkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri yang bersifat “global dan glokal”, dengan jati diri yang dibina berasaskan nilai-nilai yang luhur, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

Memperkasa sumber modal insan bakal menyediakan Malaysia dengan satu corak pembangunan berasaskan acuan sendiri yang tidak menolak faedah dari Barat dan Timur. Rakyat Malaysia perlu berciri global dan glokal. Apabila kita tawan dunia, ia turut disertai

jati diri bangsa Malaysia yang asli dan utuh (Md. Yunos Husin, 2016).

Seterusnya, penekanan terhadap pentingnya gagasan Modal Insan turut dibangkitkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia sekarang iaitu Dr. Maszlee Malik. Dalam rencana yang terbit dalam *Utusan Online*, Dr. Maszlee Malik antara lain membangkitkan soal sistem pendidikan di negara-negara maju yang dianggapnya lebih ke hadapan kerana lebih mementingkan aspek pembentukan karakter bagi melahirkan individu yang inovasi dan kreatif (*Utusan Online*, 21 Mei 2018). Manakala, dalam rakaman wawancara dengan Astro AWANI, Dr. Maszlee Malik antaranya lain menekankan unsur kemanusiaan yang dianggap paling perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara (*Astro AWANI*, 16 Mei 2018). Sesungguhnya, kenyataan Dr. Maszlee Malik jelas memperlihatkan bahawa aspek pembangunan insan bukan sahaja masih relevan, bahkan dianggap menuntut kepada perhatian serius dalam sistem pendidikan negara.

Perbincangan ini berhasil dalam meneliti nilai-nilai Modal Insan, mengenal pasti, nilai-nilai Modal Insan, dan seterusnya mengorganisasikan nilai-nilai yang menunjang kerangka Modal Insan. Berdasarkan Rajah 1, carta aliran mengorganisasikan kerangka Modal Insan dapat dihasilkan.



Rajah 1 : Carta Aliran Mengorganisasikan Kerangka Modal Insan

Seterusnya, perlu dijelaskan bahawa sebagai satu agenda nasional, gagasan Modal Insan telah diperkenalkan serta dijelaskan oleh Abdullah pada banyak kesempatan, sama ada dalam ucapan, perutusan, dialog, forum, mahupun temu bual. Pengenalan serta penjelasan ini turut merangkumi aspek falsafah serta prinsip yang membolehkan gagasan Modal Insan ini diterjemahkan dalam bentuk dasar serta perancangan strategik pada peringkat nasional. Lebih signifikan dalam konteks pengkajian ilmiah ialah apabila gagasan Modal Insan ini turut menarik perhatian para sarjana serta pengkaji yang sehingga kini telah memberikan kupasan, komentar serta kritikan terhadapnya. Hal ini dengan sendirinya menawarkan kelebihan dalam usaha menerapkan gagasan Modal Insan sebagai kerangka bagi menganalisis teks-teks kajian ini. Sehubungan dengan usaha untuk memanfaatkannya (gagasan Modal Insan)

sebagai satu kerangka analisis, perlu bagi kajian ini untuk mengorganisasikan nilai-nilai yang menjadi tunjang kepada gagasan Modal Insan dalam sebuah kerangka yang sistematis. Organisasi ini penting bagi membolehkan kajian ini untuk menganalisis teks-teks kajian secara sistematis berdasarkan nilai-nilai yang menunjangi gagasan Modal Insan.

1.6 Kriteria Pemilihan Teks dan Skop Kajian

Sesuai dengan fokus kajian, teks-teks yang dikaji dipilih berdasarkan satu kriteria utama, iaitu novel-novel yang telah terpilih sebagai “novel teks KOMSAS.” Kriteria ini dipilih kerana “novel teks KOMSAS” memenuhi kelayakan dan melepassi peraturan pemilihan oleh panel pemilihan teks yang terdiri daripada guru pakar, guru cemerlang, pensyarah, tokoh sastera, penggiat sastera, termasuk para pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka dan KPM, iaitu agensi dan kementerian yang berautoriti dalam soal pendidikan bahasa dan Kesusastraan Melayu. Pemilihan teks turut mengambil kira kesesuaian dengan kehendak FPK, Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bahagian Permasalahan Kajian, kajian ini antara lain diusahakan bagi memenuhi keperluan untuk meneliti “novel teks KOMSAS” dalam jumlahnya yang lebih komprehensif. Dalam konteks ini, skop kajian ini distrukturkan dengan merangkumi novel-novel yang terpilih sebagai “novel teks KOMSAS” mulai tahun 2010 hingga 2016. Terdapat empat buah novel yang digunakan untuk murid di semua tingkatan kecuali tiga buah novel untuk murid Tingkatan 3. “Novel teks KOMSAS” yang dikaji juga digunakan di empat zon. Pembahagian zon telah ditetapkan oleh KPM seperti dalam Jadual 4 (LAMPIRAN 5). Dengan cakupan ini, kajian ini meneliti 19 buah novel yang digunakan dalam KOMSAS mata pelajaran Bahasa Melayu, yang kesemuanya telah digunakan di seluruh negeri. Jumlah ini dapat dianggap memadai (*sufficient*) bagi memenuhi keperluan untuk meneliti “novel teks KOMSAS” secara lebih komprehensif, berbanding kajian-kajian ilmiah sedia ada.

1.7 Definisi Operasional

Seterusnya, dalam memantapkan kajian, bahagian ini membincangkan beberapa istilah penting yang akan diguna pakai. Tiga istilah yang akan diberikan takrifan secara mendalam dan terperinci ialah “nilai”, “modal insan” dan “novel teks KOMSAS.”

1.7.1 “Nilai”

Menurut *Kamus Dewan* (2016), ”nilai” adalah sifat atau perihal kemanusiaan yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu masyarakat yang harus dipatuhi sebagai satu cara hidup. ”Nilai” mendasari kehidupan sesuatu masyarakat untuk bertingkah laku yang boleh diterima dan ianya perlu disemai, dipupuk dan dihayati untuk menentukan ukuran nilai seseorang atau sesuatu masyarakat itu. Sebagaimana

yang dijelaskan, “nilai” bermaksud kemajuan yang kita kejar dan perjuangkan, bukanlah kemajuan dalam kebendaan, tetapi kemajuan dalam nilai pergaulan dan kemasyarakatan (*Kamus Dewan*, 2016: 1081).

Seterusnya, Zahir Zainuddin (2018) menjelaskan perubahan “nilai” yang berlaku akan menentukan kekuatan dan kehebatan sesuatu masyarakat dan negara. Pendidikan merupakan faktor utama bagi membina dan menanam “nilai” positif dan seterusnya mendorong kepada kemajuan sosial negara. Pendidikan yang dilihat sebagai ejen perubahan sosial wajar berkembang selari dengan perubahan politik, ekonomi dan teknologi semasa. Ini bertujuan supaya nilai-nilai yang sedia ada turut ikut selari dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun harus bijak merancang pembangunan dan pemodenan supaya masalah sosial tidak mengganggu kesejahteraan dan kebahagian masyarakat keseluruhannya. Justeru, nilai-nilai perlu dihayati dan dipelajari supaya dapat memberi manfaat dan impak kepada masyarakat. Pemilihan “nilai” yang diterima masyarakat adalah penting untuk mengelak daripada berlakunya sebarang konflik, sebagaimana yang dijelaskan oleh Zahir Zainuddin dalam petikan berikut:

Nilai-nilai harus dipelajari dan dinyatakan melalui perlakuan dan komunikasi. Nilai memberi hala tuju terakhir yang boleh dijangkakan dan membantu mengenal pasti baik atau buruk, betul atau salah. Nilai yang dikongsi bersama oleh masyarakat akan mengelakkan sesuatu konflik berlaku kerana fungsi nilai ialah mengehadkan ruang dan peluang untuk konflik daripada merebak dan mengganggu sistem nilai sedia ada, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat (Zahir Zainuddin, 2018: 47).

Seterusnya, Taufik A. Latif et. al (2018), menjelaskan “nilai” merupakan tanggapan awal yang mempengaruhi corak pemilihan terhadap bentuk dan matlamat tindakan. “Nilai” menjadi ukuran dan pegangan tentang baik buruk atau cantik hodoh sesuatu perlakuan berdasarkan kelaziman atau kebiasaan masyarakat. Menurut mereka, sebagai anggota masyarakat, individu dipupuk dengan nilai-nilai sosial yang dikongsi bersama dengan orang lain dan nilai itu akhirnya menjadi kelaziman dalam masyarakat. Kelaziman inilah menjadikan “nilai” peradaban yang bersifat mutlak dimiliki oleh sesebuah ketamadunan. Misalnya, amalan berbudi bahasa dalam konteks masyarakat Malaysia merupakan “nilai” peradaban yang tidak boleh dipisahkan dengan masyarakat. Justeru, “nilai” merupakan satu tindakan seseorang dalam bertingkah laku, sebagaimana yang dijelaskan Taufik A. Latif et. al, dalam petikan berikut:

Masyarakat yang memiliki ketinggian amalan berbudi bahasa turut diiktiraf mempunyai peradaban yang tinggi. Sehubungan dengan itu, amat perlu bagi semua pihak berganding bahu bagi memantapkan dan melestarikan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat (Taufik A. Latif et. al., 2018:72).

Seterusnya, Hashim Musa (2007) menjelaskan seseorang itu dikatakan mempunyai “nilai” yang tinggi sekiranya memiliki akhlak yang mencakupi segala perlakuan atau tindakan yang tidak bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh Tuhan. “Nilai” yang tinggi dapat dilihat dari segi kebenaran, kebaikan, keindahan dan kegunaannya yang dapat memberi manfaat dan impak kepada masyarakat. Manakala, yang dianggap tidak bernilai akan dilihat sebagai cemuh dan perlu dijauhi dan disisih daripada masyarakat. Justeru, pemilihan “nilai” yang diterima masyarakat adalah penting bagi proses pembangunan diri (*nafs*), sebagaimana yang dijelaskan oleh Hashim Musa dalam petikan berikut:

Nilai ialah standard atau ukur tara dan prinsip yang digunakan untuk mempertimbangkan harga sesuatu benda, perkara, perbuatan, tingkah laku, kejadian dan keadaan, iaitu sama ada benar, baik, indah, berguna, diingini, ataupun sebaliknya palsu, buruk, tidak diingini, tidak berguna dan dibenci (Hashim Musa, 2007: 128).

Seterusnya, Khairuzzaman Othman (2007) menjelaskan bahawa “nilai” dilihat sebagai sesuatu yang abstrak dan sukar untuk ditunjukkan secara fizikal. Namun, “nilai” boleh dilihat sebagai satu set pegangan yang menjadi asas kepada pembentukan sikap dan tingkah laku manusia. “Nilai” yang dikongsi dalam sesuatu masyarakat ini perlu dihayati, diamalkan, dan seterusnya menjadi nilai-nilai yang disepunyai sebagai satu pegangan, akhirnya membentuk sebuah tamadun. “Nilai” yang dihayati, diamal dan dipegangi akan menjadi norma kehidupan sehingga akhirnya menjadi suatu budaya yang diadaptasi dalam sesebuah masyarakat. Justeru, “nilai” merupakan satu refleksi seseorang dalam bertingkah laku, sebagaimana yang dijelaskan Khairuzzaman Othman dalam petikan berikut:

Nilai juga merupakan cerminan dalaman manusia kepada reaksi dan pendirian yang diambil dalam sesuatu perkara dan penentu kepada perlakuan yang baik atau sebaliknya, yang diingini atau tidak, positif atau negatif (Khairuzzaman Othman, 2007: 171).

Seterusnya, menurut Che Ibrahim Salleh (2007) menjelaskan “nilai” sebagai penentu dan asas dalam masyarakat untuk membuat keputusan terhadap sesuatu perkara atau tindakan. “Nilai” membantu seseorang menentukan sama ada sesuatu keputusan yang dibuat berkaitan dengan sesuatu perkara, taraf perlakuan, idea, tingkah laku dan sebagainya itu baik atau tidak baik. Keputusan yang diterima akan dinilai untuk menunjukkan ukuran atau kualiti “nilai” yang diterapkan dan diamalkan, sebagaimana yang dijelaskan Che Ibrahim Salleh dalam petikan berikut:

Nilai dijadikan asas oleh masyarakat untuk mengukur atau membuat pilihan serta keputusan terhadap suatu perkara, darjah, mutu, kualiti, taraf perilaku dan benda tentang seseorang atau kelompok orang sebagai baik atau berharga (Che Ibrahim Salleh, 2007: 1).

Menurut Sidek Baba (seterusnya Sidek) (2009a) pula, “nilai” membawa maksud usaha penerapan nilai-nilai yang bersifat menyeluruh dan memerlukan penglibatan setiap orang kerana nilai individu mencerminkan nilai keseluruhan masyarakat sesuatu bangsa. “Nilai” yang baik perlu dikongsi bersama supaya ada titik temu nilai dengan insan untuk memandu manusia mencapai kehidupan yang sejahtera. “Nilai” penting dalam membangunkan insan berkualiti, menjadi asas pedoman dan memberi petunjuk kepada seseorang itu agar dapat mengurus sesuatu perkara dengan baik, amanah dan ikhlas, sebagaimana yang dijelaskan oleh Sidek dalam petikan berikut:

Faktor nilai adalah faktor yang amat penting dalam proses membangunkan modal insan. Nilai di sini tidak bermakna suatu ukuran yang relatif atau nisbi atau yang terbina atas faktor semasa sahaja tapi nilai di sini juga merupakan sumber hikmah yang datang dari Allah SWT memandu dan memberi pedoman kepada manusia supaya manusia dapat mengurus sesuatu dengan baik, amanah dan ikhlas (Sidek Baba, 2009a: 129).

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan di atas, dapat dirumuskan bahawa “nilai” bermaksud sifat atau perihal kemanusiaan yang menjadi pegangan asas seseorang atau masyarakat yang harus dipatuhi. “Nilai” juga merupakan standard atau ukur tara dan prinsip untuk mempertimbangkan kualiti seseorang itu. Seseorang itu dikatakan mempunyai “nilai” yang tinggi sekiranya memiliki akhlak yang mencakupi segala perlakuan atau tindakan yang tidak bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan. Oleh yang demikian, “nilai” menjadi cerminan manusia kepada reaksi dan pendirian. Justeru, “nilai” perlu dihayati, diamal dan dipegang supaya menjadi norma kehidupan. Manusia sebagai penentu kepada “nilai” peradaban sesuatu masyarakat, sama ada baik atau buruk, mulia atau hina untuk sebuah kehidupan. Pengertian “nilai” sebagaimana yang dirumuskan di atas akan dijadikan sebagai definisi konseptual bagi kajian ini.

1.7.2 “Modal Insan”

Istilah “modal insan” merupakan gabungan dua perkataan, iaitu “modal” dan “insan.” Menurut *Kamus Dewan* (2016: 1038), “modal” bermaksud sesuatu yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu yang lain. Modal juga bermaksud perihal menggunakan sesuatu untuk mendapat keuntungan sebagai pulangan daripada apa yang telah dilaburkan. Menurut *Kamus Dewan* (2016: 580), “insan” atau manusia dijelaskan sebagai makhluk yang dicipta oleh Allah SWT yang tidak terlepas daripada kealpaan.

Adalah penting untuk dijelaskan bahawa dalam bahasa Melayu, istilah “insan” berasal daripada perkataan Arab, iaitu “insan.” Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2010) menjelaskan bahawa istilah “insan” dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *nasiya/* ”.apul“ duskamreb gnay سی دMenurut Muhammad Naquib Al-Attas lagi, sifat “lupa” (*nisyan*) ini sebagai fitrah manusia. Dalam konteks ini, sifat lupa yang menjadi teras pengertian “insan” yang merujuk kepada lupanya manusia terhadap hakikat

“perjanjian azali.” Sebagai “insan”/manusia mengikat perjanjian dengan Allah untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba. Namun begitu, apabila lahir di dunia, manusia lupa atau alpa terhadap matlamat utama diutuskan di atas muka bumi, sebagaimana yang dijelaskan oleh Syed Muhammad Naquib dalam petikan berikut:

Manusia disebut insan adalah kerana setelah bersaksi akan kebenaran perjanjian yang menuntutnya untuk mematuhi perintah dan larangan Allah, ia lupa (nasiya) memenuhi kewajiban dan tujuan hidupnya (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2010: 7).

Dalam hal ini, “perjanjian azali” merujuk kepada perjanjian yang telah termeterai antara manusia dengan pencipta yakni Allah SWT ketika roh ditiup di alam Rahim. Kesaksian manusia terhadap Allah SWT di alam roh ini ada dinyatakan dalam al-Quran menerusi *Surah Al-A’raf*, Ayat 172, yang antara lain bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan daripada sulbi (tulang belakang) anak cucu Adam keturunan mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap roh mereka (seraya berfirman), "Bukankah Aku Tuhanmu?" Mereka menjawab, "Betul (Engkau Tuhan kami), kami bersaksi." (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan, "Sesungguhnya ketika itu kami leka terhadap ini," (*al-Quran Al-Karim Terjemahan*, 2015: 173).

Seterusnya, menurut Yusuf al-Qardhawi (1988), manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang diberikan akal supaya terbimbang untuk menunjukkan jati diri dan kemampuannya. Penciptaan manusia adalah gabungan kekuatan tanah dan hembusan roh, yang kemudiannya diangkat menjadi khalifah di atas muka bumi. Penciptaan yang menakjubkan dan sempurna menjadi tiga persoalan mengapa insan dicipta di atas muka bumi, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yusuf al-Qardhawi: “Tiga persoalan mengenai insan ialah siapakah aku ini?, apakah yang akan terjadi padaku setelah aku diciptakan dan ke manakah aku pergi setelah mati nanti?” (Yusuf al-Qardhawi, 1988: 2). Kesemua persoalan tersebut dapat ditemui jawapannya melalui ayat al-Quran yang diterangkan secara tersirat mengenai hakikat kejadian insan, rahsia penciptaan serta hala tuju kehidupan di dunia dan akhirat. Yusuf al-Qardhawi (1995) antara lain turut menjelaskan bahawa manusia tidak hidup dalam kebutaan, tidak berjalan dalam kegelapan dan tanpa arah rabbnya. Oleh yang demikian, setiap insan hendaklah memperbetulkan diri sepanjang hayat kerana sebagai insan biasa tidak maksum. Justeru, manusia merupakan salah satu jenis makhluk ciptaan Allah SWT yang mulia antara sekian banyak makhluk yang ada, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yusuf al-Qardhawi dalam petikan berikut:

Manusia adalah salah satu jenis makhluk ciptaanNya. Akan tetapi, di antara sekian makhluk, dialah yang termulia bagi Allah. Dia

(manusia) adalah satu-satunya makhluk yang dinobatkan untuk menjadi khalifah di muka bumi (Yusuf al-Qardhawi, 1995: 61).

Dalam konteks pengertiannya yang lazim pada masa kini, dapat dijelaskan bahawa “modal insan” pada asalnya merupakan satu istilah eksklusif bagi bidang ilmu ekonomi. Namun begitu, istilah ini kemudiannya merentasi dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk bidang pendidikan. Ahli ekonomi misalnya, mendefinisikan istilah “modal insan” (*human capital*) sebagai manusia dan aktivitinya yang dihubungkan dengan kegiatan ekonomi. Meskipun demikian, pengertian umumnya didapati masih sama dengan pengertian *human capital* yang diberikan oleh ilmuwan Barat seperti Arthur Cecil Pigou (1949), Jacob Mincer (1958) dan Gary Becker (1964) (Mustafa Dakian, 2009: 250).

Seterusnya, dapat dikatakan bahawa di Malaysia, istilah “modal insan” menjadi lebih popular ketika pentadbiran Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Istilah ini pertama kali digunakan semasa Abdullah membentangkan Forum Ekonomi di Jeddah pada 20 Februari 2005 dan kemudiannya dalam RMK-9 pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat. Dapat dikatakan bahawa Abdullah mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan terhadap usaha membangunkan “modal insan” sebagai satu landasan kecemerlangan. Menurut Abdullah, “modal insan” merujuk kepada manusia yang merupakan aset penting dan berkualiti, memiliki nilai moral yang tinggi serta bertanggungjawab dalam kehidupan. Abdullah menjelaskan lagi bahawa “modal insan” memiliki akhlak yang baik, seperti berilmu, berkeyakinan, beretika, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, patriotik, keadilan, cekal dan berdaya saing.

Seterusnya, Abdullah turut menjelaskan “modal insan” adalah manusia yang berkualiti, kreatif, inovatif dan berilmu pengetahuan serta berkemahiran, sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau dalam petikan berikut:

Gagasan Ketiga [gagasan cemerlang, gemilang dan terbilang] membangunkan modal insan; melalui program pendidikan berkualiti dan holistik untuk memperlengkapkan warga Malaysia menghadapi dunia global; disusuli dengan kelahiran masyarakat kreatif dan inovatif yang menjadi komponen kepada barisan warga berfikiran dan berbudaya kelas pertama. Kita memerlukan barisan warga yang menguasai pengetahuan, ilmu, kemahiran dan maklumat (*Koleksi Ucapan Abdullah Badawi 2006: Siri Ucapan Penting*, 2007: 141).

Abdullah turut menjelaskan bahawa hasrat mewujudkan “modal insan” sebagai aset yang bernilai menjadi satu kemestian dan ini merupakan keperluan bagi sesebuah negara yang membangun, sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdullah dalam petikan berikut: “Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi satu keperluan, bukan lagi kemewahan” (*Utusan Online*, 21 November 2008).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa istilah “modal insan” bermaksud insan keperluan negara yang memiliki nilai seperti berilmu, berkeyakinan, beretika, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, sihat, kreatif, inovatif, patriotik, keadilan, cekal dan berdaya saing. Insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani, serta berkemahiran, menghargai nilai-nilai, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baharu, memiliki idea, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global dan dinamik. Pemahaman ini akan diorganisasikan dalam nilai-nilai modal insan dalam Bab 3 kajian ini. Pengertian “modal insan” di atas akan dijadikan sebagai definisi operasional bagi kajian ini.

1.7.3 “Novel Teks KOMSAS”

Frasa “novel teks KOMSAS” yang diguna pakai dalam kajian ini merupakan gabungan daripada tiga perkataan iaitu “novel”, “teks” dan “KOMSAS.” Perbincangan seterusnya berusaha untuk menjelaskan secara ringkas maksud ketiga-tiga perkataan tersebut, dan lebih penting lagi merangka takrifan operasional yang dapat diguna pakai sepanjang kajian ini, terutamanya dalam konteks ketiga-tiga perkataan yang dirangkaikan menjadi satu istilah itu. Merujuk kepada perkataan “novel”, dari segi bahasa “novel” membawa maksud cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial (*Kamus Dewan*, 2016: 1086).

Seterusnya, menurut Arba’ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abdul Rahman (2010), “novel” bermaksud cerita rekaan berbentuk prosa naratif yang agak panjang. Watak-watak rekaan dalam novel mewakili kehidupan manusia pada dunia realiti iaitu pada masa kini dan pada masa lepas. Menurut mereka lagi, novel merupakan karya fiksyen yang dapat memberi kesan emosi melalui peranan watak atau peristiwa-peristiwa yang berlaku (Arba’ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abdul Rahman, 2010: 62-63). Dalam hal ini, Arba’ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abdul Rahman (2010: 62), menjelaskan bahawa “novel” merupakan cerita panjang yang direka untuk bacaan. Novel mengandungi mesej yang disampaikan melalui peranan watak. Latar masa, tempat serta plot dihubungkan untuk menjadikan jalan cerita seperti dunia realiti.

Pandangan di atas seiring dengan penjelasan Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya (2005), yang menjelaskan bahawa novel dianggap sebagai realiti kehidupan sebenar dalam bentuk realiti imaginasi. Melalui novel, usaha-usaha untuk mencipta semula kehidupan manusia dan hubungannya dengan keluarga, masyarakat dan dunia luar dapat direalisasikan. Justeru, “novel” rata-rata difahami sebagai “manifestasi sosial” kehidupan manusia, mengambil kehidupan sebagai perisian atau ceritanya dan kreativiti serta keindahan berbahasa sebagai penyeri (Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya, 2005: 122).

Demikian juga menurut Mohd. Zariat Abdul Rani (seterusnya Mohd. Zariat) (2010) yang memahami “novel” sebagai satu penceritaan yang bermula dari plot yang awal

hingga ke tahap peleraian. Jalan cerita mengandungi konflik yang menggerakkan dan memperkembangkan cerita. Manipulasi konflik menggunakan alat-alat penceritaan, khususnya watak termasuklah perwatakan dan aksi watak atau peristiwa. Tercetusnya konflik inilah yang memajukan cerita ke hadapan sebagai penjana idea secara bertahap-tahap yang menimbulkan kesan ketegangan (*suspens*), seterusnya mengikat pembaca untuk terus mengikuti penceritaan hingga ke akhir. Hal ini akan terus membawa kepada tahap klimaks yang menjadi kemuncak penceritaan. Bahagian paling akhir ialah saranan-saranan yang membawa kepada penyelesaian masalah yang dinamakan tahap peleraian. Justeru, Mohd. Zariat menjelaskan bahawa karya fiksyen seperti “novel” terhasil daripada pertembungan atau pergelutan yang dijadikan sebagai mekanisme untuk menggerakkan dan memperkembangkan cerita, yang dianggap sebagai “manipulasi konflik” (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 418).

Seterusnya, menurut Jeremy Hawthorn (2017: 1) novel didefinisikan sebagai sesuatu rekaan prosa naratif atau cerita agak panjang. Watak-watak dan adegan merupakan representasi dari kehidupan nyata masa lalu yang digarapkan dalam sebuah plot yang kompleks. Plot merupakan salah satu unsur intrinsik dalam novel yang digunakan untuk memperjelaskan cerita dari novel tersebut. Menurut Jeremy Hawthorn (2017:3) tidak dapat ditentukan anggaran muka surat bagi sesebuah novel, tetapi menyatakan bilangan perkataan perlu mengikut kesesuaian dengan keperluan novel tersebut dalam menyuarakan isu dan persoalan yang terkandung di dalam novel.

Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat dikatakan bahawa perkataan “novel” rata-rata difahami sebagai gabungan antara realiti dan imaginasi. Atas dasar ini, “novel” dianggap sebagai karya kreatif yang dihasilkan daripada proses pengalaman dan pemerhatian pengarang. Seterusnya, perkataan “teks” dalam bahasa Melayu merupakan kata pinjaman daripada perkataan bahasa Inggeris ialah “text”. Dalam bahasa Inggeris, perkataan “text” bermaksud *a book* (*Oxford Advanced Learner’s Dictionary*, 2015: 1564). Pemahaman ini antaranya diasaskan pada penjelasan *Oxford Advanced Learner’s Dictionary* yang antara lain menjelaskan maksud perkataan “teks” sebagai, “Buku yang digunakan oleh guru bagi sesuatu mata pelajaran di sekolah” (*Oxford Advanced Learner’s Dictionary*, 2015: 1564). Manakala, *Macmillan English Dictionary* (2007), pula menjelaskan bahawa perkataan “teks” bermaksud sebuah buku yang digunakan bagi satu mata pelajaran, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut: *Book containing information about one subject* (*Macmillan English Dictionary*, 2007: 1545).

Dalam bahasa Melayu, perkataan “teks” turut menampung pengertian yang hampir sama. Pemahaman ini dapat disandarkan kepada penjelasan *Kamus Dewan* yang menjelaskan maksud perkataan “teks” sebagai kandungan buku yang utama (*Kamus Dewan*, 2016: 1631). Manakala, *Kamus Milenium* pula menjelaskan bahawa perkataan “teks” dalam bahasa Melayu bermaksud buku bagi mata pelajaran yang digunakan dalam pengajaran, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut: “buku yang utama untuk sesuatu pengajaran” (*Kamus Milenium*, 2000: 714). Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, dapat dikatakan bahawa perkataan “teks” rata-rata difahami sebagai buku bagi sesuatu mata pelajaran sebagai bahan pengajaran.

Seterusnya, dan sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal bab ini, perkataan “KOMSAS” merupakan akronim bagi “Komponen Kesusastraan” dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu”. Istilah “KOMSAS” merupakan gabungan dua perkataan penting iaitu “komponen” dan “kesusastraan.” KOMSAS merupakan komponen wajib dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di Malaysia (*Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 7/2009*, 2009). KOMSAS diperkenal serta dilaksanakan antaranya dengan objektif untuk menekankan pemupukan dan penghayatan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Seiring dengan objektif ini, KOMSAS antara lain diwujudkan bagi mendidik murid-murid membaca serta mengapresiasi karya-karya sastera, selain mengenal nama pengarang berdasarkan karya yang telah diperakui seperti para Sasterawan Negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999: 3). Untuk tujuan itu, KOMSAS memberi pendedahan kepada murid-murid tentang aspek-aspek asas sesuatu genre sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi tradisional dan sajak. Ini termasuklah mengenal dan menggunakan istilah-istilah sastera, tema dan persoalan, aspek penciptaan karya sastera seperti pembinaan plot dan latar, selain menilai mesej, pengajaran, nilai-nilai kemanusiaan kemasyarakatan serta kebudayaan termasuk menaakul tema atau pemikiran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999: 3). Dengan objektif serta orientasinya yang sedemikian, aspek penting yang menunjangi KOMSAS ialah karya sastera yang dipilih menjadi “teks KOMSAS.” Dalam hal ini, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan oleh PPK bagi memilih karya sastera untuk dijadikan sebagai “teks KOMSAS.” Dalam proses pemilihan teks, PPK menggariskan peraturan serta prosedur pemilihan tertentu, iaitu adalah bahan/karya/teks/buku yang dipilih mestи selaras dengan kehendak FPK, Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu Elektif (*Utusan Online*, 28 Januari 2008). Selain itu, prosedur lain yang perlu dipatuhi ialah membuka tawaran kepada semua penerbit, dengan mengambil kira bahan karya/teks/buku yang diterima antaranya karya-karya hasil nukilan para Sasterawan Negara, pemenang *SEA-WRITE Award*, pemenang Hadiah/Sayembara, tokoh sastera, penulis sastera, penulis berbakat/harapan/potensi dan penggiat sastera.

Seterusnya, dan berdasarkan pemahaman terhadap perkataan “novel”, “teks” dan konsep “KOMSAS” seperti yang difahami di atas, takrifan operasional bagi frasa “novel teks KOMSAS” dapat dilakarkan. Secara operasional, dapat ditakrifkan bahawa frasa “novel teks KOMSAS” dalam kajian ini diguna pakai bagi merujuk kepada “novel-novel yang telah dipilih untuk dijadikan sebagai bahan dalam pengajaran KOMSAS.” Takrifan ini turut menjadi kriteria dalam pemilihan bahan kajian.

1.8 Pembahagian dan Organisasi Bab

Kajian ini secara keseluruhannya mempunyai lima bab yang disusun mengikut tertib kepentingan, berkesinambungan dan saling melengkapi. Sebagaimana sedia ada, Bab 1 distrukturkan bagi menghujahkan tentang permasalahan kajian, yang seterusnya membentuk objektif-objektif kajian, pemilihan bahan kajian dan kerangka analisis (metodologi), termasuk takrifan operasional terhadap kata kunci-kata kunci yang digunakan sepanjang kajian ini, dan kepentingan kajian. Secara keseluruhannya, Bab

1 berusaha untuk menjelaskan tentang hala tuju kajian ini yang akan direalisasikan dalam bab-bab yang selanjutnya.

Sehubungan itu, Bab 2 diperuntukkan bagi menyoroti secara lebih khusus kajian-kajian ilmiah yang telah diusahakan sehingga kini berkaitan fokus kajian. Untuk itu, bab ini dibahagikan kepada tiga sub topik yang menyoroti kajian-kajian ilmiah sedia ada tentang aspek-aspek yang integral dalam kajian ini iaitu “nilai”, “modal insan” dan “novel teks KOMSAS.” Perbincangan dalam bab ini dilakukan dengan menyoroti kajian-kajian ilmiah antaranya berupa tesis kedoktoran dan tesis sarjana, artikel, bab dalam buku dan kertas kerja konferensi dan seminar. Perbincangan dalam bab ini diharap dapat memberikan gambaran serta pemahaman secara lebih komprehensif terhadap korpus literatur berkaitan fokus kajian ini.

Seterusnya, Bab 3 akan menjelaskan secara menyeluruh tentang metodologi atau kerangka yang diguna pakai untuk menganalisis teks-teks yang dikaji. Untuk itu, bab ini akan dimulakan dengan perbincangan tentang latar belakang Abdullah sebagai pencetus gagasan Modal Insan. Turut dibincangkan ialah reaksi serta resepsi kritis terhadap gagasan Modal Insan. Lebih penting lagi, bab ini akan melakarkan secara eksplisit nilai-nilai yang terangkum dalam gagasan Modal Insan dalam satu organisasi yang sistematis. Organisasi nilai-nilai Modal Insan secara sistematik ini penting bagi membolehkan kajian ini untuk menganalisis teks-teks yang dikaji, iaitu novel teks KOMSAS. Untuk itu, perbincangan dalam Bab 3 akan memanfaatkan sumber-sumber berupa tesis kedoktoran dan tesis sarjana, artikel, bab dalam buku, teks ucapan, dan kertas kerja konferensi dan seminar. Perbincangan dalam Bab 3 diharap dapat mengorganisasikan nilai-nilai yang terkandung dalam gagasan Modal Insan dalam satu kerangka analisis yang sistematis, yang juga merupakan Objektif Pertama kajian ini.

Lanjutan daripada bab-bab di atas, Bab 4 kajian ini akan menganalisis novel-novel teks KOMSAS yang dijadikan sebagai bahan kajian. Analisis ini akan dilakukan berdasarkan nilai-nilai yang terkandung dalam gagasan Modal Insan yang telah pun diorganisasikan dalam satu kerangka analisis yang sistematis, seperti yang diusahakan dalam Bab 3. Untuk itu, analisis akan dibahagikan kepada 13 sub topik yang didasarkan kepada nilai-nilai dalam kerangka Modal Insan yang telah diorganisasikan dalam bab sebelumnya. Analisis dalam Bab 4 penting dalam merealisasikan Objektif Kedua kajian ini, iaitu menganalisis novel-novel teks KOMSAS menurut kerangka Modal Insan.

Akhir sekali, Bab 5 akan merumuskan hasil analisis teks yang dikaji yang diperoleh dalam Bab 4. Bab ini akan merumuskan dapatan kajian dalam konteks keseluruhan tesis termasuk permasalahan dan objektif-objektif kajian, metodologi, bahan kajian dan kepentingan kajian. Rumusan ini juga tertumpu pada soal kesesuaian nilai-nilai yang terkandung dalam novel-novel yang dipilih sebagai teks KOMSAS, dengan kerangka Modal Insan yang merupakan agenda nasional negara. Bab 5 ini penting bagi merealisasikan Objektif Ketiga, yang merupakan objektif terakhir kajian ini.

1.9 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini penting bagi memperkayakan lagi korpus penyelidikan dan kesarjanaan dalam bidang kesusasteraan Melayu. Secara khusus, kajian ini berguna bagi merungkaikan permasalahan tentang pelaksanaan KOMSAS terutamanya soal kesesuaian karya-karya sastera yang dipilih sebagai teks KOMSAS, sebagaimana yang telah diujahkan pada awal kajian ini. Kesesuaian ini penting bagi merealisasikan FPK yang menekankan terhadap soal keseimbangan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sehubungan dengan itu juga, kajian ini diharap dapat memantapkan lagi penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan melalui penekanan terhadap aspek pembangunan modal insan. Akhirnya, kajian ini diharap dapat merintis terhadap usaha-usaha ilmiah yang selanjutnya terutamanya dalam bidang kesusasteraan, pendidikan dan pembangunan Modal Insan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Yusof. (2018). Pembangunan Modal Insan Daripada Perspektif Islam: Impak Kepada Pengurus. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 2. Issue 1, 2017:40-53.
- Abang Saifuddin Abang Bohari. (2010). *Di Sebalik Wajah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.
- Abd. Ghafar Mahmud, Dato'. (2011). *Haluan Kerja Pendidikan: Merealisasikan Agenda Transformasi Negara*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. (2008). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Gambang: Universiti Pahang Malaysia.
- Abd. Latip Talib. (2010). *Istana Menanti*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Talib Hassan. (2010). *Sutera Dalam Lukisan*. Seri Kembangan: ABM SMAZ Creative Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Rahman, Abdul Razaq Ahmad, Jalaluddin Abdul Malek dan Mohd Mahzan Awang. (2016). Penglibatan Sosial dan Pembudayaan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Tidak Formal dalam Kalangan Penduduk Bandar Putrajaya. *Kajian Malaysia*, Vol. 34, No. 2, 2016. Minden: Penerbitan Universiti Sains Malaysia: 75-100
- Abdul Ghoni Ahmad (2017). Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Penggerak Pembelajaran Bermakna. *Majalah Pendidik*. Disember, 2017. Kuala Lumpur: Wardah Communication Sdn. Bhd.
- Abdul Monir Yaacob. (2005). *Hak dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum Dari Perspektif Syariah. Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Hussain. (2011). *Konserto Terakhir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Aboukinane, C. (2007). A Qualitative Study of Creative Thinking Using Experiential. *Tesis Doktor Falsafah*: Texas A & M University.
- Ahamad Rahim, Abdul Razaq Ahmad dan Azwani Ismail. (2012). Pelaksanaan Kurikulum Sejarah di Sekolah: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan dan Latihan*. Jilid 4. Bil. 2. Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat: 1-9.

Ahmad Zaki Abu Bakar. (2010). *Wira Persona Avatari*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.

Aida Shahira. (2010). *Bukan Duniaku*. Melaka Raya: Karya Hartamas Enterprise.

Ajmain@Jimaain Safar, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Aderi Che Noh. (2010). Pendidikan Akhlak Sebagai Intipati Pembangunan Modal Insan Masjid: Kajian kes Masjid Taman Puteri Kulaijaya Johor. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 66-76.

Ahmad Ali Seman, Raidah Rasyidah Makhtar, Musni Awatif Mustaffar, Anis Farhana Izani & Fathilah Akmal Ismail. (2017). Penerapan Nilai Patriotisme Menerusi Pendidikan Sejarah. *Pendidikan Sejarah, Patriotisme & Karakter Bangsa Malaysia-Indonesia (FKIP-UKM)*. Banjarmasin: Fakultas Kegurusan dan Ilmu Pendidikan.

